

## Strategi dan Peranan Peguam Waris Sultan Sulu dalam Perjuangan Menuntut Sabah: Perspektif Sejarah dan Dinamika Semasa, 1936-2022

### *The Strategies and Roles of Legal Representatives of the Sultan of Sulu's Heirs in the Struggle to Claim Sabah: A Historical Perspective and Contemporary Dynamics, 1936-2022*

NORIZAN KADIR

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,  
Universiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia

Corresponding author: norizan.kadir@usm.my

Received: 02 February 2025      Accepted: 27 May 2025

#### Abstrak

Ketika zaman Sultan Jamalul Kiram II lagi beliau telah membuat perancangan untuk menyaman kerajaan British di mahkamah antarabangsa untuk mendapatkan Borneo Utara (Sabah). Namun hasratnya itu tidak kesampaian apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1936. Setelah kematian beliau, lebih ramai waris-warisnya yang melantik peguam untuk menuntut hak masing-masing. Pertikaian terawal selepas kematian beliau ialah dalam penentuan waris-waris yang layak menerima bayaran tahunan sebanyak \$5300. Sebelum prosiding mengenai penentuan waris yang layak menerima bayaran itu dibuat di Mahkamah Borneo Utara oleh Hakim C. F. C. Macaskie pada tahun 1939, waris-waris Sultan Sulu tersebut telah membawa kes mereka di Mahkamah Filipina untuk mengesahkan surat wasiat Sultan Jamalul Kiram II. Kemudian, pada tahun 1962, Esmail Kiram dan waris-waris yang lain telah memindahkan autoriti dan pemilikan ke atas Sabah kepada kerajaan Filipina. Kandungan perjanjian tersebut turut memperuntukkan sekiranya kerajaan Filipina gagal atau enggan melindungi tuntutannya, waris-waris Sultan Sulu berhak menuntut Sabah secara bebas dengan melantik peguam mereka sendiri. Waris-waris Sultan Sulu telah melantik ramai peguam sejak daripada kematian Sultan Sulu yang terakhir. Kajian ini menunjukkan bahawa pelantikan peguam yang bersilih ganti antara lainnya berpunca daripada kemunculan ramai individu yang mendakwa dirinya sama ada sebagai Sultan Sulu atau pewaris yang layak menerima bayaran tahunan. Tuntutan oleh waris-waris Sultan Sulu tidak terhad kepada wilayah yang diserahkan dalam Perjanjian 1878 dan 1903, tetapi turut menuntut keseluruhan Sabah serta pelbagai jenis tuntutan yang lain termasuklah bayaran pampasan dan ganti rugi. Tuntutan tersebut ada ketikanya saling bertindih lantaran waris-waris tersebut saling bersaing antara satu sama lain. Terdapat pelbagai strategi yang digunakan oleh peguam mereka untuk merealisasikan kejayaan tuntutan tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai strategi dan peranan peguam-peguam waris Sultan Sulu bagi menuntut Sabah dalam tempoh sejak tahun 1936 dan rentetannya hingga tahun 2022. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis pelbagai rekod dan sumber termasuklah sumber primer dan sekunder.

Kata kunci: Strategi; Peguam Waris Sultan Sulu; Tuntutan ke atas Sabah; Anugerah Akhir; Kesultanan Sulu

*Abstract*

*During the reign of Sultan Jamalul Kiram II, he had already devised plans to sue the British government in an international court to reclaim North Borneo (Sabah). However, his aspirations were left unfulfilled when he passed away in 1936. Following his death, numerous heirs appointed legal representatives to assert their respective claims. The earliest dispute after his passing revolved around the determination of rightful heirs eligible to receive the annual payment of \$5,300. Before proceedings on the rightful heirs' entitlement to the payment were conducted at the North Borneo Court by Judge C. F. C. Macaskie in 1939, the heirs of the Sultan of Sulu had already brought their case before the Philippine court to validate the will of Sultan Jamalul Kiram II. Subsequently, in 1962, Esmail Kiram and other heirs transferred authority and ownership over Sabah to the Philippine government. The agreement stipulated that if the Philippine government failed or refused to uphold its claim, the heirs of the Sultan of Sulu would have the right to pursue their claim over Sabah independently by appointing their own legal representatives. Since the passing of the last Sultan of Sulu, numerous lawyers have been appointed by his heirs. This study highlights that the continuous appointment of legal representatives was, among other reasons, due to the emergence of multiple individuals claiming to be either the rightful Sultan of Sulu or the legitimate heir entitled to the annual payment. The claims made by the heirs of the Sultan of Sulu were not confined to the territories ceded under the 1878 and 1903 Agreements; rather, they extended to the entirety of Sabah and encompassed various other demands, including compensation and damages. At times, these claims overlapped, as the heirs competed against one another. A range of legal strategies has been employed by their legal representatives to advance these claims. Thus, this study aims to assess the strategies and roles of the legal representatives of the Sultan of Sulu's heirs in their claim over Sabah from 1936 to 2022. A qualitative approach is adopted to analyse various records and sources, including both primary and secondary materials.*

**Keywords:** *Strategy; Lawyers of the Sultan of Sulu's Heirs; Claim over Sabah; Final Award; Sultanate of Sulu*

**Pengenalan**

Setelah kematian Sultan Sulu yang terakhir pada tahun 1936, maka bermulalah pelbagai episod dan babak baharu dalam tuntutan berkaitan Borneo Utara (Sabah)<sup>1</sup> daripada waris-waris Sultan Sulu. Sebelum kerajaan Filipina menuntut Sabah secara rasmi pada tahun 1962, waris-waris Sultan Sulu telah mengambil pelbagai tindakan perundangan melalui peguam mereka sendiri. Sultan Sulu yang terakhir umpamanya telah menuntut pelbagai perkara daripada kerajaan British termasuklah peningkatan bayaran tahunan, layanan istimewa ketika berada di Borneo Utara dan pelbagai tuntutan tambahan berkaitan kekayaan hasil bumi di Borneo Utara. Oleh kerana terdapat ramai individu yang mengaku dirinya sebagai Sultan Sulu yang sah, atau waris-waris yang layak menerima bayaran tahunan daripada kerajaan British dan kemudiannya kerajaan Malaysia, maka semakin ramai peguam-peguam yang dilantik daripada kalangan waris-waris Sultan Sulu tersebut. Waris-waris Sultan Sulu tersebut saling bertelagah antara satu sama lain bagi menuntut hak mereka daripada pihak British dan Malaysia bahkan daripada kerajaan Filipina sendiri demi mendapatkan pengiktirafan sebagai Sultan Sulu yang sah semata-mata untuk menuntut Sabah dan menerima bayaran pencen.

Peguam-peguam yang dilantik tidak hanya daripada Filipina sahaja, bahkan terdapat peguam-peguam dari luar yang turut dilantik. Tuntutan ke atas Sabah oleh waris-waris Sultan Sulu dan peguamnya lebih bermotifkan kewangan berbanding kedaulatan setelah menyedari ia adalah sesuatu

yang mustahil dilakukan melainkan dengan bantuan kerajaan Filipina. Peguam waris-waris Sultan Sulu, Nicasio Osmena sendiri menyifatkan dirinya sebagai “*business consultant*” dalam usahanya mendapatkan manfaat kewangan daripada pihak yang menjadi pelanggannya.<sup>2</sup> Ketika berlakunya kematian waris-waris Sultan Sulu yang layak menerima bayaran tahunan seperti Mariam Kiram dan Mora Napsa, Osmena telah menuntut agar bayaran terus dilakukan melaluinya.<sup>3</sup> Namun, pihak British tidak memperakuinya dan mengulangi penjelasan bahawa jika berlaku kematian ke atas waris Sultan Sulu yang terdapat dalam senarai penghakiman Macaskie 1939, ia perlu melalui proses perbicaraan di Mahkamah Borneo Utara untuk menentukan semula waris yang layak menerima bayaran.

Selain Sultan Sulu dan waris-warisnya yang mempunyai kepentingan ke atas Sabah, kadang kala peguam yang dilantik itu sendiri mempunyai kepentingan peribadi ke atas kes tuntutan tersebut. Terdapat juga sebahagian peguam yang menawarkan diri untuk mewakili waris-waris Sultan Sulu untuk menuntut Sabah. Hal ini kerana mereka yakin dan optimis kes tuntutan tersebut mempunyai potensi untuk menang dan memberikan pulangan keuntungan yang besar kepada penuntut berdasarkan hujah, keterangan dan dokumentasi yang diberikan oleh waris-waris Sultan Sulu. Terdapat juga peguam yang cuba mengambil kesempatan di sebalik isu tuntutan tersebut dan bertindak melebihi peranan seorang peguam. Antaranya ialah Nicasio Osmena, yang tidak hanya menjadi peguam waris-waris Sultan Sulu untuk menuntut Sabah, tetapi turut melaksanakan peranan-peranan tambahan yang lain termasuklah merancang strategi untuk menggagalkan rancangan pembentukan Malaysia dan menjalinkan hubungan mesra dengan pemimpin-pemimpin politik di Sabah, Sarawak dan Brunei bagi mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai wakil Sultan Sulu yang didakwa berhak ke atas Sabah. Beliau juga melakukan pakatan dengan peguam waris Sultan Sulu yang lain seperti Calixto de Leon bagi menjayakan perancangannya untuk memperoleh keuntungan daripada kes tuntutan tersebut. Mereka sentiasa mencari jalan dan merancang strategi baharu untuk memastikan kerajaan British membuat bayaran ganti rugi dalam amaun yang besar atas penyerahan wilayah Borneo Utara tersebut. Daripada ketiga-tiga keluarga diraja Kesultanan Sulu yang mendakwa sebagai Sultan Sulu, hanya individu daripada keluarga Kiram yang lebih berpengaruh dan mendapat sokongan, khususnya daripada peguam yang berminat dengan kes tuntutan tersebut. Ia berikutan daripada sultan terakhir yang diiktiraf sebelum Kesultanan Sulu dimansuhkan ialah daripada keluarga diraja Kiram. Jelasnya, terdapat pelbagai strategi dan pendekatan yang digunakan oleh peguam-peguam waris Sultan Sulu untuk memenangi tuntutan yang dikemukakan. Penulisan ini bertujuan untuk menilai strategi dan peranan peguam waris-waris Sultan Sulu dalam menuntut Sabah. Kajian terdahulu yang menyentuh tentang peranan peguam hanya terhad kepada kerangka atau skop perbincangan mengenai peristiwa tuntutan pada tahun tertentu dan tidak menjelaskan kepelbagaiannya strategi tuntutan yang digunakan dalam jangka masa panjang khususnya dari sudut perubahan dan kesinambungannya. Misalnya penulisan Santanina C. Tillah dalam *Philippine Law Journal* bertajuk “*On Sulu's Claim to British North Borneo*”.<sup>4</sup> Penulisan beliau menjelaskan tentang kelayakan kerajaan Filipina dan waris-waris Sultan Sulu dalam menuntut Sabah. Sejak tahun 1915, Filipina membenarkan Sultan Sulu menerima bayaran tahunan sebagai individu persendirian dan bukan mewakili Kesultanan Sulu. Justeru, waris-waris Sultan Jamalul Kiram II melantik peguam bagi menuntut Sabah yang sebenarnya lebih bermotifkan kewangan berbanding hak pentadbiran dan kedaulatan. Perbahasan Tillah bagaimanapun tidak memperincikan perkembangan dan perubahan tuntutan yang berlaku oleh waris-waris Sultan Sulu tersebut. Selain itu, buku Lela Garner Noble bertajuk *Philippine Policy toward Sabah: A Claim to Independence* membahaskan mengenai peranan penting yang dimainkan oleh waris Sultan Sulu dalam pertikaian mengenai Sabah.<sup>5</sup> Pada tahun 1962, waris-waris ini secara rasmi menyerahkan hak kedaulatan mereka ke atas Borneo Utara kepada kerajaan Filipina, sekali gus menjadikan tuntutan itu sebagai hak negara. Penyerahan ini memberikan asas undang-undang kepada kerajaan Filipina untuk menuntut Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah mereka, sekali gus mencabar kemasukan

Sabah ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Noble menjelaskan secara ringkas tentang peranan peguam waris-waris Sultan Sulu dalam menuntut Sabah namun penjelasannya terbatas sehingga tahun 1976 iaitu ketika Filipina masih berada di bawah pentadbiran Presiden Ferdinand E. Marcos.

### Latar Belakang

Pengisytiharan kemerdekaan Filipina pada 4 Julai 1946 turut menandakan secara rasminya seluruh wilayah yang pernah menjadi milik institusi Kesultanan Sulu menjadi sebahagian daripada Republik Filipina. Dasawarsa sebelum itu, iaitu selepas kematian Sultan Jamalul Kiram II pada tahun 1936, institusi Kesultanan Sulu telah dibubarkan oleh kerajaan Komanwel Filipina di bawah Presiden Manuel L. Quezon meskipun ditentang hebat oleh waris-waris kesultanan tersebut. Selepas itu, kuasa Sultan Sulu hanya terhad sebagai pemimpin agama bagi orang Islam di wilayahnya. Selain berkaitan isu status pemerintahan sendiri menjelang kemerdekaan Filipina, pembubaran kesultanan tersebut berkait rapat dengan ketiadaan waris atau pengganti Sultan Sulu yang dapat disepakati oleh semua keluarga diraja Sulu pada ketika itu. Di tengah-tengah kemelut perebutan takhta itu, kerajaan Komanwel Filipina yang dalam proses menuju kemerdekaan dan membina kerajaan demokrasi telah memansuhkan kesultanan tersebut. Perkara tersebut turut dimaklumkan kepada pejabat Kedutaan British di Manila yang sebelum itu meminta bantuan Filipina untuk mengesahkan calon sultan yang baharu bagi menerima bayaran tahunan sebanyak \$5300.

Oleh kerana tiada pengganti sultan yang baharu, pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) telah mengalami kesukaran untuk meneruskan bayaran tahunan tersebut. Namun, ia tidak bermakna pihak syarikat hanya berdiam diri dan tidak mengambil sebarang tindakan. Pihak syarikat mengambil tindakan proaktif dengan terus berhubungan dengan kerajaan Filipina dalam mengesan waris-waris Sultan Sulu yang layak menerima bayaran tersebut. Waris-waris Sultan Jamalul Kiram II yang diketuai oleh Dayang-Dayang Hadji Piandao telah mengemukakan surat wasiat Sultan Jamalul Kiram II ke Mahkamah Filipina untuk mengesahkan bahawa mereka layak menerima harta seperti mana yang diwasiatkan oleh sultan. Setelah mendapat pengesahan Mahkamah Filipina, surat pengesahan tersebut beserta dengan surat wasiat Sultan Jamalul Kiram II telah dihantar kepada pihak syarikat. Berdasarkan surat wasiat tersebutlah, penghakiman Macaskie pada tahun 1939 akhirnya memutuskan nama-nama waris yang layak menerima bayaran tahunan atau yang disebutkan sebagai “*Sandakan estate*” oleh Sultan Jamalul Kiram II dalam surat wasiatnya.

Meskipun Sultan Sulu terakhir dan waris-warisnya terus menerima bayaran tahunan daripada pihak syarikat dan kerajaan British, namun mereka terus mempertikaikan kadar bayaran tersebut yang disifatkan terlalu rendah. Oleh itu, Sultan Jamalul Kiram II menuntut supaya kadar bayaran tahunan itu dinaikkan seiring dengan keuntungan dan perolehan yang diterima oleh pihak syarikat menerusi pentadbiran di negeri Borneo Utara. Cerita mengenai ketidakpuasan hati Sultan Sulu dan waris-warisnya seringkali disampaikan kepada rakan-rakan, ahli politik serta pihak-pihak yang mempunyai hubungan rapat dengan keluarga tersebut. Sultan Jamalul Kiram II misalnya telah meminta campur tangan Jeneral W. Davis (ketua eksekutif Amerika Syarikat) di Filipina agar membantunya dalam isu tuntutan tersebut.<sup>6</sup> Beliau satu-satunya sultan yang masih bertahan di bawah penjajahan Amerika Syarikat dan berlitzam untuk kekal mempertahankan haknya.

Apabila perkara tersebut disampaikan dari mulut ke mulut, ia telah menarik perhatian ramai pihak di dalam dan luar negara. Lebih ramai individu, wartawan dan peguam yang berminat dengan kes Sultan Sulu ke atas Sabah tersebut. Sultan Jamalul Kiram II misalnya, sering menjadikan kes tuntutan tersebut sebagai bahan cerita kepada para wartawan asing dan tempatan yang menemuramah beliau sehingga isu tersebut agak kerap disiarkan dalam akhbar dan majalah. Antara wartawan yang

berminat menemuramah beliau ialah Aleko E. Lilius, seorang warganegara Amerika Syarikat yang anti-British. Laporan temu ramah Lilius dengan Sultan Jamalul Kiram II telah disiarkan dalam akhbar *The Sphere, Bulawayo Chronicle* (akhbar Afrika Selatan) & *Philippines Free Press* dan menarik perhatian ramai pihak sehingga menimbulkan pertikaian serta kebimbangan pejabat tanah jajahan British.<sup>7</sup> Hal ini kerana Sultan Sulu menjelaskan bahawa beliau telah diperdaya oleh pihak Syarikat sehingga kehilangan wilayah kekuasaannya di Borneo Utara. Antara petikan dalam artikel Lilius ialah mengenai status perjanjian penyerahan pada tahun 1878 tersebut. Dalam temu bualnya dengan Sultan Sulu, perjanjian tersebut bersifat “*interminable lease*” iaitu pajakan berkekalan “selagi ada matahari dan bulan”. Namun, perkara yang dibangkitkan beliau ialah mengenai kewujudan klausa kenaikan kadar bayaran dalam perjanjian tersebut.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun, dalam kenyataan yang lain Sultan Jamalul Kiram II mendakwa bahawa bapanya telah memajakkan Borneo Utara kepada Syarikat Borneo Utara (British) untuk tempoh selama 50 tahun. Menurutnya lagi, pada tahun 1886, bayaran pajakan ialah sebanyak \$12,000 *straits dollars* setahun.<sup>9</sup> Warisnya, Dayang-Dayang Haji Piandao pula mendakwa, geran pajakan tersebut tamat pada tahun 1936, dan wilayah tersebut perlu dikembalikan kepada keluarga diraja Kesultanan Sulu.<sup>10</sup>

### **Strategi Peguam Waris-waris Sultan Sulu Bagi Menuntut Sabah**

Pelbagai taktik dan strategi yang telah digunakan oleh peguam waris-waris Sultan Sulu bagi menuntut Sabah lama sebelum tuntutan rasmi Filipina ke atas Sabah dikemukakan pada tahun 1962. Taktik dan strategi yang digunakan tidak secara “*haphazard*” tetapi melibatkan segala perancangan yang licik dan pelbagai kerjasama bagi menjayakan objektif mereka. Ia termasuklah melobi pihak-pihak berkepentingan di dalam dan di luar negara bagi menyokong tuntutan ke atas Sabah yang didakwa sebagai sangat berasas dan kukuh. Usaha untuk melobi pihak-pihak yang berkepentingan tersebut adalah satu bentuk tindakan bagi menampung kos dan pembiayaan tuntutan tersebut yang telah meninggalkan beban hutang yang besar kepada waris-waris Sultan Sulu.

Tindakan membawa kes tertentu ke pelbagai jenis mahkamah yang berbeza bidang kuasa perundangan (*forum shopping*) untuk dibicarakan bukan satu perkara baharu dalam sejarah tuntutan Filipina dan waris-waris Sultan Sulu ke atas Sabah. Kes tuntutan ke atas Sabah telah cuba dibawa ke pelbagai saluran dan mahkamah oleh peguam-peguam waris Sultan Sulu dan kerajaan Filipina sendiri meskipun ia tidak berjaya. Kelicikan mereka memperdaya institusi dan pihak-pihak antarabangsa turut membingungkan pihak British sendiri. Antaranya seperti kes peguam Nicasio Osmena dan Calixto de Leon yang berjaya mempengaruhi juru bank (*Swiss bankers*) di Switzerland untuk menjual pegangan dan kepentingan mereka ke atas perjanjian komersial dengan Borneo Utara.<sup>11</sup> Ia menimbulkan kebingungan pihak British tentang penglibatan pihak bank tersebut sedangkan mereka adalah pihak bank yang berpengaruh dan sudah semestinya mereka telah diyakinkan dengan sangat baik untuk membolehkan mereka membiayai usaha tersebut. Sesuatu yang bukan menjadi milik mereka (peguam waris Sultan Sulu) bahkan dijual kepada pihak lain. Osmena telah menyediakan surat kuasa sebagai peguam waris-waris Sultan Sulu dengan meletakkan kedudukan kedua-dua mereka, Osmena dan de Leon sebagai individu yang berhak menandatangi dan menguatkuasakan sebarang dokumen yang difikirkan perlu termasuklah kuasa bagi menjual hak dan kepentingan Borneo Utara. De Leon mengesahkan bahawa Osmena telah membayar kepada waris-waris Sultan Sulu sebanyak 2000 Peso bagi menandatangani surat kuasa tersebut.<sup>12</sup>

Dr Stanislas de Lazovert (lelaki Rusia yang memiliki kewarganegaraan Perancis), wakil dan penama bagi Swiss Bank telah menubuhan *Borneo Development Corporation* (BDC) dengan 52% pemegang saham utamanya ialah *Swiss Bank (Schweizer Credit Ansteldt)* untuk memindahkan kuasa de Leon dan Osmena kepada perusahaan yang diketuai oleh Lazovert tersebut.<sup>13</sup> Perjanjian antara

BDC tersebut dengan de Leon dan Osmena (*attorneys-in-fact*) itu dikatakan membolehkan BDC membeli hak dan pemilikan waris-waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara dengan jumlah US\$ 2.5 juta dan boleh diperbaharui pada setiap tahun, manakala waris-waris Sultan Sulu menerima bayaran sebanyak US\$ 1000. BDC tidak hanya berdiri di belakang dua bank Switzerland tetapi juga satu bank Amerika menerusi dokongan individu-individu berpengaruh. Alasan yang digunakan bagi tuntutan tersebut adalah sama iaitu Perjanjian 1878 bersifat pajakan, bayaran tahunan yang diberikan itu adalah bayaran sewa dan waris-waris Sultan Sulu masih memiliki hak ke atas Borneo Utara. Apabila wang sudah dikeluarkan, maka sudah semestinya de Lazovert dan pihak-pihak yang melabur dalam BDC mengharapkan pulangannya. Komunikasi dengan pihak British dilakukan secara berterusan bagi mendapatkan “haknya” ke atas Borneo Utara dan apabila usaha tersebut kurang menampakkan hasilnya, maka beliau mengancam untuk membawa perkara tersebut kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Mahkamah Antarabangsa di Hague, Belanda.<sup>14</sup> Penglibatan Lazovert dalam konspirasi pembunuhan Grigori Rasputin, penasihat diraja Rusia pada tahun 1916 telah meningkatkan lagi imejnya sebagai individu yang tidak boleh dipercayai khususnya apabila bekerjasama dengan Osmena dan de Leon dalam “permainan” untuk mendapatkan keuntungan atas tuntutan Borneo Utara.

Tuntutan ke atas Sabah oleh waris-waris Sultan Sulu dan peguamnya lebih bermotifkan kepada kepentingan kewangan berbanding tuntutan kedaulatan ke atas Sabah. Tuntutan kedaulatan melalui kerajaan Filipina itu sendiri telah terbukti gagal, justeru adalah mustahil bagi waris-waris Sultan Sulu untuk terus bersikap tidak realistik terhadap tuntutan kedaulatan Sabah. Bagi mereka, persoalan hak kedaulatan bukan lagi satu perkara yang penting, namun tuntutan yang mampu memberikan pulangan kewangan yang besar atau sekurang-kurangnya sekali untuk selama-lamanya. Oleh kerana itulah mereka seringkali membangkitkan isu hak pemilikan (*proprietary rights*) ke atas Sabah. Mereka meletakkan hak pemilikan tersebut sebagai usaha terakhir dalam perjuangan untuk mendapatkan keuntungan ke atas Sabah. Pelbagai strategi yang digunakan dengan penglibatan institusi atau badan antarabangsa. Antara asas yang paling kerap digunakan dalam mempertahankan tuntutan mereka di peringkat antarabangsa ialah dengan menggunakan Perjanjian 1878 sebagai satu kontrak perjanjian yang bersifat komersial. Strategi ini telah digunakan sejak dari era Sultan Sulu yang terakhir lagi dan diteruskan sehingga ke hari ini. Oleh sebab itu, mereka mudah mendapatkan sokongan, bantuan dan kepercayaan daripada institusi antarabangsa. Misalnya, pada tahun 1958 Pejabat Tanah Jajahan British telah mendapat maklumat bahawa peguam waris-waris Sultan Sulu, Nicasio Osmena dan Calixto de Leon telah berjaya menjual kepentingan mereka berkaitan tuntutan ke atas Sabah kepada *Swiss Bank*.<sup>15</sup> Kuasanya sebagai peguam telah diserahkan kepada *Swiss Bank* sementara Osmena dan rakannya itu memutuskan untuk melepaskan kepentingan mereka dalam urusan tersebut. Menerusi percaturan tersebut, Osmena memperoleh \$250,000 dengan menjual kepentingannya. *Swiss Bank* telah terpedaya dengan dakwaan dan dokumen yang diberikan oleh Osmena yang pada hakikatnya sama sekali tidak bernilai untuk meneruskan tuntutan kedaulatan ke atas Borneo Utara. Sekali lagi, taktik yang sama digunakan iaitu dengan memberikan versi terjemahan Perjanjian 1878 yang disesuaikan dengan matlamat mereka iaitu menonjolkan bahawa ia bukan perjanjian yang bersifat kekal, tetapi hanya pajakan sementara.

Anugerah Akhir (*Final Award*) yang dikeluarkan oleh penimbang tara di mahkamah arbitrasi Eropah, bermula di Sepanyol oleh Dr Gonzalo Stampa sejak bulan Julai 2019 dan kemudiannya dipindahkan prosiding timbang tara (*seat of arbitration*) tersebut ke Perancis mempunyai perkaitan dan kesinambungan yang erat dengan usaha-usaha peguam waris-waris Sultan Sulu menuntut Sabah sejak sebelum pembentukan Malaysia lagi. Mereka menggunakan hujah yang sama iaitu mengklasifikasi Perjanjian 1878 sebagai perjanjian komersial antara Sultan Sulu dan Gustavus Baron Von Overbeck. Berasaskan kepada dakwaan tersebut, mereka membuat perkiraan ganti rugi sejak bayaran tahunan ditangguhkan bermula tahun 2013. Mereka juga menuntut bayaran-bayaran lain berkaitan keuntungan

yang diterima oleh kerajaan Malaysia menerusi pentadbiran di negeri Sabah. Arbitrasi unilateral tersebut telah memutuskan Malaysia harus membayar sejumlah US\$14.92 bilion (RM62.59 bilion) kepada waris-waris Sultan Sulu melalui penyitaan aset-aset syarikat subsidiari Petronas.<sup>16</sup> Waris-waris Sultan Sulu menggunakan alasan Malaysia tidak mematuhi Perjanjian 1878 kerana tidak membuat bayaran tahunan sejak serangan di Lahad Datu pada tahun 2013, justeru membolehkan mereka menyaman kerajaan di Mahkamah Arbitrasi Antarabangsa di Sepanyol. Penerima bayaran tahunan \$5300 sewajarnya menyedari bahawa kerajaan Malaysia juga berhak mengambil tindakan ke atas waris-waris Sultan Sulu yang melakukan serangan di Lahad Datu. Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat, berhak mempertahankan keselamatannya dan mengambil tindakan sewajarnya supaya perkara yang sama tidak berulang. Pendirian Malaysia menangguhan bayaran tahunan itu adalah wajar dan merupakan satu bentuk tindakan interim iaitu tindakan yang bersifat sementara sehingga keputusan muktamad atau situasi lebih jelas diperoleh.

Penangguhan bayaran adalah proses yang munasabah sehinggalah tindakan perundangan diambil ke atas penceroboh di Lahad Datu dan menyiasat sama ada waris-waris Sultan Sulu yang menerima bayaran tahunan turut terlibat dalam pencerobohan tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung. Perjanjian yang dibuat pada tahun 1878 dan 1903 tidak mengecualikan sama sekali hak bagi kerajaan Malaysia untuk mengambil tindakan tertentu jika sekiranya kedaulatan dan keselamatan negara dicabar oleh pihak yang menandatangani perjanjian tersebut. Justeru, resolusi yang lebih menyeluruh juga perlu dicapai melalui perbicaraan di Mahkamah Sabah untuk menilai implikasi atau tindakan yang boleh menyebabkan penangguhan bayaran tahunan, sama ada ia berpunca daripada waris-waris Sultan Sulu atau kerajaan Malaysia. Keputusan atau perintah mahkamah ini penting sebagai mengukuhkan lagi isi kandungan Perjanjian 1878 supaya pentafsirannya tidak mudah diselewengkan selain memberikan jaminan tambahan bahawa sebarang isu yang timbul tidak akan mengganggu-gugat kedaulatan Sabah dan tuntutan-tuntutan lain yang tidak munasabah. Tindakan pengukuhan ini perlu dilakukan bagi memastikan segala pertikaian yang timbul berkaitan isu bayaran tahunan dapat diselesaikan dalam ruang lingkup perundangan yang telah disepakati dalam perjanjian penyerahan wilayah 1878 dan 1903. Dalam kaitan tersebut, selagi mana kerajaan Malaysia masih belum mengeluarkan kenyataan rasmi yang menyatakan bahawa ia akan menghentikan sepenuhnya bayaran tahunan, maka waris-waris Sultan Sulu tidak berhak mengambil apa-apa tindakan perundangan ke atas Malaysia.

Tindakan arbitrasi di Mahkamah Eropah jelas bertentangan dengan perjanjian yang dibuat pada tahun 1878 dan 1903 yang tidak memperuntukkan sebarang elemen timbang tara (*ex nihilo nil fit*). Mahkamah Rayuan Paris jelas membuktikan perkara ini dengan memutuskan bahawa Gonzalo Stampa telah bertindak melebihi kuasanya dan melanggar pelbagai prosedur timbang tara yang betul. Dalam Perjanjian 1878 menetapkan kedua-dua pihak mestilah memutuskan sebarang pertikaian yang timbul menerusi kuasa “*Her Britannic Majesty's Consul-General for Borneo*”. Meskipun jawatan tersebut tidak lagi wujud, kuasa mengadili kes pertikaian antara kedua-dua pihak mestilah melalui proses perundangan di Mahkamah Sabah yang sudah jelas diperakui oleh waris-waris Sultan Sulu sendiri dalam Penghakiman Macaskie pada tahun 1939 dan amalan tersebut konsisten dilaksanakan oleh pihak British sehingga di akhir pentadbirannya. Oleh yang demikian, kes pertikaian tersebut tidak sewajarnya dibicarakan di mana-mana mahkamah di luar Malaysia apatah lagi di mahkamah Sepanyol dan Perancis yang jelas tidak memiliki bidang kuasa dan hubungan sejarah dengan perjanjian 1878 dan 1903.

Perkara ini turut sejajar dengan pandangan Gary J. Shaw dan Rafael T. Boza yang menegaskan:

*"The Arbitrator took actions which may be considered unreasonable, extreme, or even defiant, such as relocating the seat of arbitration, to ultimately issue a polarizing Award. Any enforcement effort, in any jurisdiction will likely be met with substantial resistance."*<sup>17</sup>

Pasca pembentukan Malaysia, peguam dan individu yang berpengaruh di peringkat antarabangsa khususnya di Eropah menganggap terdapat beberapa perkara yang dilihat menarik dan unik dalam kes tuntutan waris-waris Sultan Sulu ke atas Sabah yang berbeza berbanding perjanjian-perjanjian penyerahan wilayah yang lain. Peguam-peguam yang dilantik oleh waris-waris Sultan Sulu merupakan individu yang banyak mempengaruhi perkembangan isu tuntutan ke atas Sabah hingga ke hari ini. Mereka menawarkan pelbagai solusi dan alternatif kepada klien mereka bagi membolehkan kes tuntutan tersebut memberikan pulangan keuntungan yang besar. Meskipun sebahagian besar daripada peguam tersebut adalah dilantik oleh waris-waris Sultan Sulu sendiri, namun terdapat juga peguam yang menawarkan diri untuk berkhidmat kepada waris-waris Sultan Sulu tersebut. Setiap peguam yang dilantik kebiasaannya mewakili seorang waris daripada keluarga diraja tertentu sahaja atau waris-waris yang layak menerima bayaran tahunan. Sepanjang sejarah tuntutan Sultan Sulu dan waris-warisnya ke atas Sabah, terdapat ramai peguam yang dilantik termasuklah Calixto de Leon, Teopisto Guingona, Agripino P. Escareal, Antonio Quirino, Vicente D. Gabriel, Nicasio Osmena, J. C. Orendain, Abraham Rasul, Firdaus I. Y. Abbas, Santanina Rasul, Ulka T. Ulama dan ramai lagi. Dalam perkembangan terbaru, Paul S. Cohen dan Elisabeth Mason terlibat sebagai peguam lapan orang waris Sultan Sulu yang menuntut bayaran tahunan dan bayaran ganti rugi di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa di Sepanyol dan Perancis.

Terdapat beberapa kriteria penting dalam pelantikan seseorang peguam bagi mewakili waris-waris Sultan Sulu untuk menuntut Sabah dan pelbagai tuntutan yang lain. Antaranya termasuklah seseorang peguam itu kebiasaannya mempunyai jaringan dan hubungan yang luas dengan individu berpengaruh serta institusi-institusi penting di luar negara. Namun, dalam keadaan tertentu kriteria tersebut tidak semestinya dapat dipenuhi. Jaringan tersebut diharapkan dapat memberikan kelebihan kepada waris-waris Sultan Sulu bukan sahaja untuk mendapatkan bantuan kewangan tetapi juga bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan perundangan antarabangsa berhubung kes tuntutan tersebut. Hal ini kerana, para peguam yang dilantik dan waris-waris Sultan Sulu sendiri sedar bahawa mereka tidak akan mendapat kejayaan dengan mudah jika hanya membuat tuntutan menerusi kaedah biasa, apatah lagi perbicaraan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa, namun harus mempelbagaikan taktik dan strategi bagi mencapai matlamat mereka. Jaringan yang dibina turut diperkuuhkan dengan membuka pejabat di luar negara.

Selain itu, seseorang peguam itu kebiasaannya mempunyai hubungan dan jaringan yang baik dengan wartawan-wartawan akhbar dan majalah dalam dan luar negara yang dapat dimanfaatkan untuk menerbitkan berita-berita berkaitan isu tuntutan tersebut. Mereka bijak memanipulasi berita-berita di akhbar agar pembaca cenderung untuk memihak kepada waris-waris Sultan Sulu dan melihat mereka sebagai "mangsa" kepada tipu muslihat British. Akhbar dan media massa merupakan kekuatan utama kepada usaha mereka untuk menuntut Sabah. Hal ini kerana, pembaca yang tidak pernah mengetahui tentang sejarah Perjanjian 1878 dan membaca buat pertama kali mengenai isu tuntutan tersebut, akan cenderung untuk memihak kepada pendedahan atau sumber yang baru pertama kali diterimanya. Usaha untuk menyebarluaskan liputan ini amat mudah dilaksanakan di dalam Filipina memandangkan kebanyakannya rakyat Filipina turut menyokong kes tuntutan tersebut, manakala sokongan dan pengaruh dalam akhbar dan media antarabangsa juga tidak terlalu sukar untuk dicari terutamanya dengan

menumpukan kepada negara-negara yang anti-Britain dan bermusuh dengan Malaysia dalam isu-isu tertentu.

Bukan sahaja waris-waris Sultan Sulu yang bertindak melantik peguam, terdapat juga peguam dan diplomat luar yang berminat dengan kes tuntutan tersebut sekaligus menawarkan khidmat guaman kepada waris-waris Sultan Sulu. Ketika Filipina berada di bawah penjajahan kolonial Amerika Syarikat, terdapat diplomat Amerika Syarikat yang sangat berminat dengan kes tuntutan tersebut. Pesuruhjaya Tinggi Amerika Syarikat di Filipina, Francis B. Sayre umpamanya pada tahun 1940 telah menyatakan minatnya untuk menyiasat lebih lanjut berkaitan isu penyerahan wilayah oleh Sultan Sulu kepada Overbeck yang dirasakannya memiliki pelbagai sisi perundungan yang menarik dan ada kepentingannya kepada kerajaan Amerika Syarikat dan Filipina.<sup>18</sup> Beliau menganggap wilayah yang diserahkan tersebut hanya dipajakkan (disewakan), bukannya dijual. Sayre telah mengadakan pertemuan dengan waris-waris Sultan Sulu, Gabenor Ombra Amilbangsa dan Dayang-Dayang Haji Piandao di Sulu dan Presiden Manuel L. Quezon bagi membincangkan perkara tersebut sebelum meneruskan ke peringkat selanjutnya.<sup>19</sup>

Strategi dan taktik yang digunakan oleh peguam-peguam waris Sultan Sulu bersifat “serampang dua mata” iaitu memberikan tekanan dan desakan kepada kerajaan Filipina bagi menuntut Sabah dan membantu waris-waris Sultan Sulu untuk menuntut hak mereka daripada pihak British dan kemudiannya kerajaan Malaysia. Keduanya ialah merujuk kes tuntutan tersebut kepada pihak-pihak berpengaruh dan berkepentingan di luar negara bagi tujuan mengambil tindakan perundungan di peringkat antarabangsa termasuklah usaha membawa kes tersebut ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Desakan terhadap jabatan kerajaan Filipina termasuklah yang dilakukan oleh J. C. Orendain, peguam kepada Putri Tarhata Kiram yang merayu kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina agar menyokong tuntutannya ke atas Borneo Utara.<sup>20</sup> Begitu juga tindakan yang dilakukan oleh ahli kongres Agripino P. Escareal. Beliau menjadi individu pertama yang bertanggungjawab membuat permohonan kepada Jabatan Luar Negara Filipina supaya membantu waris-waris Sultan Sulu menyelesaikan isu bayaran tahunan yang didakwa tidak dibayar oleh kerajaan British.<sup>21</sup>

Peguam waris-waris Sultan Sulu ketika era Presiden Diosdado Macapagal menjelaskan kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Negara Filipina bahawa mereka menuntut hak pemilikan ke atas Sabah (*proprietary rights*) dan mahu melihat ia menjadi sebahagian daripada wilayah nasional Filipina.<sup>22</sup> Bagi waris-waris Sultan Sulu, hak pemilikan dan hak kedaulatan ke atas Sabah ialah dua perkara yang berbeza. Mereka menuntut kedua-duanya serentak. Namun, ketika usaha mereka tidak membawa sebarang hasil, mereka mula menuntut untuk berunding dengan kerajaan Malaysia berhubung isu hak pemilikan sahaja. Ia pernah berlaku ketika era kepimpinan Presiden Corazon Aquino apabila waris Sultan Sulu, Puteri Denchurain Kiram mengumumkan pengguguran tuntutan ke atas Sabah tahun 1989.<sup>23</sup> Presiden Aquino menyokong penuh keputusan pengguguran tuntutan tersebut dan telah mengadakan perbincangan dengan Puteri Denchurain Kiram serta peguamnya Ulka T. Ulama.<sup>24</sup> Pertemuan tersebut juga turut membincangkan isu hak pemilikan ke atas Sabah yang didakwa masih dimiliki oleh waris-waris Sultan Sulu tersebut.<sup>25</sup> Puteri Denchurain Kiram menggesa supaya kerajaan Malaysia segera mengadakan rundingan mengenai hak pemilikan tersebut bagi membolehkan isu pertikaian ke atas Sabah diselesaikan buat selama-lamanya. Tindakan Puteri Denchurain menggugurkan tuntutan yang dikatakan mewakili 86 peratus waris-waris Sultan Sulu yang berada di Filipina dan Sabah itu bagaimanapun ditentang oleh Jamalul Kiram III dan para pengikutnya.

Pengaruh Jamalul Kiram III selaku waris Sultan Sulu semakin terserlah ketika di era pentadbiran Presiden Gloria Macapagal Arroyo. Beliau telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Arroyo di Istana Malacañang bagi membincangkan isu tuntutan ke atas Sabah bersama-sama dengan Esmail Kiram.<sup>26</sup> Presiden Arroyo telah memberikan reaksi positif terhadap tuntutan tersebut dan

meyakinkan waris-waris Sultan Sulu bahawa kerajaannya akan berusaha memastikan isu tuntutan tersebut mendapat perhatian yang sewajarnya. Namun, Jamalul Kiram III menolak cadangan kerajaan Filipina untuk menangani isu hak kedaulatan dan hak pemilikan secara berasingan.<sup>27</sup> Menurutnya, kedua-dua isu tersebut perlu ditangani secara serentak. Sabah menurutnya perlu dikembalikan kepada waris-waris Sultan Sulu dan bayaran ganti rugi juga perlu diberikan oleh kerajaan Malaysia.

Selain peguam-peguam yang dilantik secara rasmi oleh waris-waris Sultan Sulu, terdapat juga kalangan individu yang mendakwa dirinya sebagai peguam waris-waris Sultan Sulu meskipun tidak mendapat pengesahan daripada mana-mana waris yang sah. Misalnya Firdaus I. Y. Abbas yang mendakwa dirinya sebagai jurucakap waris Sultan Sulu. Beliau dikatakan cuba membincangkan isu Sabah dalam sesi forum secara umum dengan dakwaan mendapat sokongan dan mandat daripada *Moro National Liberation Front* (MNLF) dan waris-waris Sultan Sulu. Beliau turut memberi amaran akan menyerahkan tanggungjawab untuk merampas Sabah kepada pihak MNLF.<sup>28</sup>

### Kepelbagaiannya Jenis Tuntutan Berkaitan Sabah

Terdapat pelbagai jenis tuntutan berkaitan Sabah yang dikemukakan oleh Sultan Sulu dan waris-warisnya. Tuntutan tersebut bermula sejak zaman Sultan Jamalul Alam lagi terutamanya setelah beliau mendapat tekanan daripada kuasa Sepanyol. Ketika di zaman Sultan Jamalul Kiram II, beliau turut membuat pelbagai tuntutan dan desakan kepada pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBBU) termasuklah menaikkan kadar bayaran tahunan, menyaman pihak syarikat supaya mengembalikan semula Borneo Utara, menuntut bayaran *lump-sum*, menuntut hak pemilikan (*proprietary rights*), menuntut bayaran sewa daripada penduduk Sabah, menuntut tanah pertanian, menuntut pihak syarikat membina istana untuknya di Borneo Utara, memberikan elaun hiburan, menuntut bayaran tahunan lebih awal serta menuntut layanan istimewa kepadanya jika berada di Borneo Utara.<sup>29</sup> Sultan Sulu juga menuntut bayaran tahunan dibuat dalam mata wang *pound sterling*, manakala Datu Jamalul Kiram III yang mendakwa dirinya sebagai Sultan Sulu yang sah pernah menuntut bayaran sewa sebanyak RM29 bilion daripada penduduk Sabah kerana menduduki tanahnya selama 30 tahun.

Keadaan ini sangat berbeza dengan Sultan Brunei yang tidak membuat sebarang tuntutan meskipun mengadakan empat perjanjian penyerahan pada tahun 1877 dan selanjutnya pada tahun 1878. Kebanyakan permintaan Sultan Sulu tersebut ditolak dengan baik oleh pihak syarikat selain turut menghargai hubungan persahabatan yang sedia terjalin. Namun, sekitar tahun 1900, 1903 dan 1903 terdapat juga situasi di mana pihak syarikat menanggung kos penginapan di hotel setiap kali beliau mengadakan lawatan di Sandakan. Gabenor Borneo Utara pada ketika itu, Edward P. Gueritz kemudiannya meminta arahan dan panduan yang lebih jelas daripada pengerusi Syarikat Borneo Utara mengenai bayaran yang patut ditanggung sekiranya Sultan Sulu lebih kerap mengadakan lawatan di Sandakan.<sup>30</sup> Tuntutannya untuk mendapatkan bayaran tahunan lebih awal ditunaikan oleh pihak syarikat bagi tahun 1920, 1921 dan 1922.

Sultan Jamalul Kiram II pada ketika itu berada dalam keadaan yang terdesak dengan sumber kewangannya yang kian menipis. Hal ini berikutan daripada kuasa dan autoritinya sebagai pemerintah semakin berkurang setelah Amerika Syarikat mengambil alih pentadbiran di wilayah selatan termasuklah Mindanao, Sulu dan Palawan. Meskipun Sultan Sulu merupakan satu-satunya kuasa Kesultanan Melayu yang masih wujud pada ketika itu di Filipina, kuasa sultan hanya terhad kepada pemimpin agama dan spiritual masyarakatnya. Sultan tidak lagi bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran negerinya namun diberikan bayaran pence. Akibat tekanan ekonomi yang diterima, Sultan Sulu beberapa kali memohon kepada kerajaan Amerika dan kerajaan Komanwel Filipina supaya menaikkan kadar pence yang diterimanya. Namun, permohonannya itu ditolak termasuklah ketika Manuel L. Quezon menjadi Presiden Komanwel Filipina. Beliau telah mengenakan cukai dan levi

kepada rakyatnya dalam bidang kuasanya sebagai pemimpin agama, termasuklah dalam hal berkaitan perkahwinan dan bayaran denda oleh pihak yang kalah dalam pertikaian, bagi memperoleh sumber kewangan tambahan. Pada tahun 1931, Sultan Jamalul Kiram II telah membuat perancangan untuk ke London bagi menyaman pihak syarikat di *Court of Peers*.<sup>31</sup> Beliau juga berhasrat untuk membawa kes tersebut ke *League of Nations* yang telah ditubuhkan pada tahun 1920. Usaha tersebut dilihat mampu menarik perhatian masyarakat dunia apabila seorang sultan menyaman kerajaan lain yang merupakan sebahagian daripada empayar kolonial British. Ia bagaimanapun tidak berjaya direalisasikan.

### **Isu Bayaran Tahunan (*Cession Money*)**

Antara isu utama yang sering dibangkitkan dan dituntut oleh peguam-peguam waris Sultan Sulu ialah berkaitan isu bayaran tahunan yang dibayar oleh pihak British dan kemudiannya kerajaan Malaysia kepada waris-waris Sultan Sulu. Bayaran tahunan sebanyak \$5300 tetap terus dibayar oleh pihak syarikat kepada waris-waris Sultan Sulu meskipun terdapat kesulitan untuk mengenalpasti dan mengesahkan waris-waris yang sah. Selepas kematian Sultan Jamalul Kiram II pada 7 Jun 1936, berlaku pertelingkahan dan perebutan takhta pengganti Sultan Sulu yang baharu dalam kalangan waris-warisnya. Motif utama pertikaian tersebut lebih tertumpu kepada keinginan untuk memperoleh hak ke atas bayaran tahunan yang diterima oleh Sultan Jamalul Kiram II dan sultan-sultan sebelumnya.<sup>32</sup> Hal ini kerana, kerajaan Filipina pada ketika itu tidak lagi mengiktiraf institusi Kesultanan Sulu dan hanya membenarkan pelantikan pengganti sultan yang berfungsi sebagai pemimpin spiritual dan keagamaan sahaja. Pihak Syarikat Berpiagam Borneo Utara berhadapan dengan kesukaran untuk mengenalpasti waris yang layak menerima bayaran tersebut dan menangguhkan buat sementara waktu pembayaran sehingga isu tersebut selesai dibicarakan di Mahkamah Tinggi Borneo Utara. Pihak syarikat akhirnya telah menyambung bayaran tahunan kepada waris-waris yang telah dikenalpasti dalam penghakiman Mahkamah Tinggi Borneo Utara pada 18 Disember 1939. Bayaran termasuk bayaran tertungggak telah dibuat pada 20 Disember 1939 untuk tempoh bermula Jun 1936 hingga 23 September 1939 di Sandakan.

Terdapat ramai peguam waris-waris Sultan Sulu yang dilantik khususnya berhubung isu bayaran tahunan tersebut. Antara peguam-peguam yang dilantik termasuklah Calixto de Leon, peguam keluarga Kiram yang menuntut sambungan bayaran pajakan pada tahun 1936, Teopista Guingona (1946), Agripino Escariel (1947), Antonio Quirino (1948), Vicente Gariel (1957), Nicasio Osmena (1957 - 1961) dan Juan Orendain pada tahun 1962.<sup>33</sup> Calixto de Leon merupakan peguam yang sering dirujuk oleh waris-waris Sultan Sulu selepas kematian Sultan Sulu yang terakhir bagi menentukan jenis peruntukan yang patut digunakan bagi pembahagian harta pusaka waris-waris Sultan Sulu. Seperti mana Nicasio Osmena, kedudukan sebenar de Leon sebagai peguam waris-waris Sultan Sulu juga diragui oleh pihak British.<sup>34</sup> Oleh itu, pihak British menghantar surat serentak kepada de Leon dan waris-waris Sultan Sulu bagi mengelakkan salah faham dan kemungkinan tanggapan bahawa kerajaan British gagal melunaskan bayaran.

Pada tahun 1958 dan 1959, Pejabat Kedutaan British di Manila telah menghantar surat kepada de Leon bagi mendapatkan pengesahan bahawa beliau masih layak menerima bayaran tahunan bagi pihak waris-waris Sultan Sulu.<sup>35</sup> Pihak British telah berulang kali meminta surat *Letter of Administration* daripada de Leon namun tidak memperoleh sebarang jawapan. Pada ketika itu, kerajaan British di Borneo Utara dalam proses mempertimbangkan untuk menukar kaedah pembayaran iaitu tidak lagi melalui peguam mereka, tetapi menerusi kutipan sendiri oleh waris-waris Sultan Sulu di Borneo Utara atau penyerahan secara tunai kepada Pejabat Kedutaan British di Manila berikutkan kesukaran menyerahkannya melalui peguam mereka termasuk kepada Nicasio Osmena. Perkara tersebut turut dimaklumkan kepada de Leon dalam surat bertarikh 30 Julai 1958.<sup>36</sup> De Leon juga turut diingatkan

bahawa bayaran tahunan yang diberikan kepada waris-waris Sultan Sulu melalui peguam mereka di Filipina dibuat dalam mata wang peso (nilai yang sama dengan \$5300) hanyalah sebagai satu tanda keprihatinan pihak British dan sama sekali tidak bermaksud satu kewajipan atau hak waris-waris Sultan Sulu. Tindakan penyerahan bayaran tahunan di Borneo Utara secara kutipan sendiri bagaimanapun tidak dipersetujui oleh Gabenor Borneo Utara, Roland E. Turnbull dengan memberikan dua alasan perundangan. Pertamanya, dokumen bayaran tahunan tersebut dikuatkuasakan di bawah bidang kuasa perundangan Filipina dan keduanya ialah penerima bayaran tahunan tersebut tinggal di Filipina dan tiada ejen rasmi yang dilantik untuk menerima bayaran tersebut di Borneo Utara.

Isu lain yang timbul berkaitan bayaran tahunan ialah berhubung kenaikan kadar bayaran tahunan tersebut yang disifatkan oleh Sultan Jamalul Kiram II dan waris-warisnya sebagai terlalu rendah dan perlu dinilai semula oleh pihak British. Isu ini ditimbulkan sejak Sultan Jamalul Kiram II dilantik menjadi Sultan Sulu yang baharu menggantikan Sultan Badarudin II. Beliau membangkitkan perkara ini pada tahun 1921 ketika Aylmer C. Pearson menjadi Gabenor Borneo Utara. Isu bayaran ini seringkali ditimbulkan Sultan Jamalul Kiram II sebagai tanda penyesalan kerana beranggapan Sultan Jamalul Alam telah membuat keputusan yang tidak wajar kerana meletakkan kadar bayaran yang terlalu rendah. Dalam hal ini, Sultan Jamalul Kiram II mendakwa dalam surat perjanjian asalnya yang hilang ketika berada di Singapura, terdapat klausa perjanjian tersebut yang membolehkan peningkatan kadar bayaran berdasarkan keuntungan/pendapatan yang diterima oleh pihak syarikat.<sup>37</sup>

Perkara tersebut kemudiannya dijawab oleh Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara bahawa tiada sebarang peruntuhan mengenai penilaian semula kadar bayaran dalam surat perjanjian tersebut.<sup>38</sup> Pengarah Syarikat menambah bahawa Baron Von Overbeck bertindak mewakili sindiket perniagaan di London dan berhak dalam pelaksanaan undang-undang dan segala kuasa pentadbiran sebagai “*supreme and independent ruler*”.<sup>39</sup> Tiada peruntuhan tentang kenaikan bayaran tahunan dalam perjanjian tersebut kerana Syarikat Borneo Utara hanya ditubuhkan empat tahun selepas perjanjian tersebut ditandatangani sedangkan Sultan Sulu mendakwa bayaran perlu dinaikkan berdasarkan kadar keuntungan “*British North Borneo Company*” yang jelas belum wujud lagi pada tahun 1878. Dalam temu bual dengan Aleko Lilius, Sultan Sulu mendakwa “*parallel with the increase of the profits of the British North Borneo Company*”.<sup>40</sup> Dakwaan tersebut jelas bercanggah dengan realiti sebenar ketika perjanjian ditandatangani. Tuntutan kenaikan bayaran tahunan diulangi oleh setiap waris-waris Sultan Sulu dari tahun ke tahun. Amirul Ombra Amilbangsa, suami kepada Dayang-Dayang Hadji Piandao yang mendakwa dirinya sebagai Sultan Sulu telah menggunakan pengaruhnya sebagai ahli Dewan Perwakilan Filipina untuk mempengaruhi Presiden Filipina, Elpidio Quirino agar menuntut keadilan bagi pihak waris-waris Sultan Sulu ke atas tanah yang didakwa telah “dicuri” oleh kerajaan British.<sup>41</sup>

### **Bayaran *lump-sum* dan Ganti Rugi**

Antara sebab utama serangan tentera diraja Sulu ke atas Lahad Datu yang diketuai oleh Datu Jamalul Kiram III dan Datu Agbimuddin Kiram pada tahun 2013 ialah berikutan ketidakpuasan hati dengan keuntungan yang diperolehi kerajaan Sabah dan Persekutuan hasil daripadakekayaan bahan mentah di negeri Sabah. Menurut peguam waris-waris Sultan Sulu tersebut, tidak kurang daripada 50 peratus pendapatan yang diperolehi oleh kerajaan Malaysia dari negeri Sabah sejak tahun 1963 sehingga saat serangan ke atas Lahad Datu dilakukan mestilah dibayar kepada waris-waris Sultan Sulu. Jika hal tersebut tidak dilakukan, maka Sabah dikatakan perlu dikembalikan semula kepada waris-waris Sultan Sulu.<sup>42</sup> Pada tahun 1998, Jamalul Kiram III juga pernah mengancam untuk menyerang Sabah dan mendakwa akan merekrut sekurang-kurangnya 100,000 pejuang-pejuang pembebasan Moro jika gagal memenuhi permintaannya.<sup>43</sup> Walaupun mengakui belum memiliki angkatan tentera bersenjata, namun beliau meyakini dengan mudah dapat merekrut sekitar sejuta orang penduduk Sulu dan Basilan

untuk terlibat dalam perperangan.<sup>44</sup> Jamalul Kiram III bagaimanapun bukanlah individu pertama yang mengancam untuk menyerang Sabah namun sudah ada waris-waris Sultan Sulu sebelumnya yang turut membuat perancangan menyerang Sabah. Antaranya ialah Ombra Amilbangsa yang merancang merekrut tentera dalam kalangan pengikutnya untuk menceroboh masuk ke Sabah.<sup>45</sup>

Selain tuntutan tambahan bayaran tahunan, waris-waris Sultan Sulu melalui peguamnya turut menuntut bayaran *lump-sum* dan ganti rugi. Sejak di awal kematian Sultan Jamalul Kiram II lagi waris-waris Sultan Sulu telah menuntut bayaran *lump-sum* daripada kerajaan British kerana menduduki Borneo Utara. Peguam waris Sultan Sulu, Nicasio Osmena misalnya telah menuntut bayaran sebanyak £10 juta daripada kerajaan British.<sup>46</sup> Apabila kuasanya dijual kepada de Lazovert melalui BDC, de Lazovert juga mengambil pendekatan yang sama iaitu menuntut bayaran *lump sum* daripada kerajaan British. Setelah mendapat desakan daripada waris-waris Sultan Sulu supaya membuat bayaran ganti rugi, pihak British akhirnya bersetuju menawarkan bayaran *lump-sum* kepada waris-waris Sultan Sulu tersebut. Misalnya, pada tahun 1940, SBBU menawarkan bayaran *lump sum* sebanyak \$53,000 (£6183) kepada waris-waris Sultan Sulu untuk menyelesaikan tuntutan mereka terhadap Borneo Utara namun tawaran tersebut akhirnya ditolak.<sup>47</sup> Sekali lagi iaitu pada tahun 1955, kerajaan British menawarkan bayaran *lump sum* sebanyak \$106,000, namun turut ditolak oleh waris-waris Sultan Sulu.<sup>48</sup> Tuntutan bayaran ganti rugi oleh peguam waris-waris Sultan Sulu turut melibatkan keuntungan yang diterima oleh pihak British daripada semua sumber semula jadi (*natural resources*) yang terdapat di Sabah bermula dari tarikh perjanjian di tandatangani iaitu pada 22 Januari 1878 hingga 21 Januari 1936.<sup>49</sup> Mereka juga menuntut supaya dilakukan penilaian semula ke atas nilai harta benda yang terdapat di Sabah supaya faedah yang diterima oleh waris-waris Sultan Sulu juga selari dengan keuntungan semasa.

Ulka T. Ulama yang pernah menjadi peguam bagi waris-waris Sultan Sulu bagi menuntut bayaran *lump-sum* daripada kerajaan Malaysia sejak tahun 1972 mendakwa waris-waris Sultan Sulu pernah menerima tawaran sebanyak \$86 juta sebagai bayaran “*proprietary claims*”. Ia dikatakan berlaku pada tahun 1963. Puteri Tarhata Kiram yang pada ketika itu memegang tumpuk kepimpinan Kesultanan Sulu turut mendedahkan mengenai tawaran tersebut dalam satu majlis di Jolo. Walau bagaimanapun, Filipina di bawah kepimpinan Macapagal telah menolak tawaran tersebut setelah mengadakan konsultasi dengan waris-waris Sultan Sulu yang lain di samping Filipina pada ketika itu juga sedang berusaha bermati-matian untuk mendapatkan Sabah.<sup>50</sup> Ulka T. Ulama merupakan peguam yang lama berkhidmat dengan waris-waris Sultan Sulu dan menerima bayaran tahunan bagi pihak waris-waris Sultan Sulu sejak tahun 1975. Beliau secara konsisten menuntut penambahan bayaran tahunan yang dikatakan tidak setimpal dengan keuntungan dankekayaan yang diterima oleh kerajaan Malaysia dari negeri Sabah selain mendesak kerajaan Filipina mengaktifkan kembali *Bipartisan Executive-Legislative Advisory Council on Sabah Issues* (BELACS). Namun, lesen kuasa Ulka Ulama sebagai peguam telah dibatalkan oleh *Regional Trial Court* di Jolo, pada 17 September 1987.<sup>51</sup> Meskipun ketiadaan lesen peguam yang sah, Ulka Ulama masih menjalankan peranannya sebagai peguam waris-waris Sultan Sulu.

### Pembatalan Perjanjian Penyerahan 1878 dan 1903

Waris-waris Sultan Sulu melalui peguam yang dilantik turut bertindak dengan menghantar notis pembatalan perjanjian penyerahan 1878 dan 1903. Notis pembatalan perjanjian pertama dihantar kepada pihak British sebelum kerajaan British mengambil alih sepenuhnya Borneo Utara melalui pentadbiran *Crown Colony* iaitu pada 14 Jun 1946. Waris Sultan Sulu, Sultan Mohamad Amirul Ombra dan para waris yang lain iaitu Putli Tarhata Kiram, Putli Sakinor In Kiram, Datu Punjungan Kiram, Sitti Rada Kiram, Sitti Putli Jahara Kiram (juga dikenali sebagai Sitti Oking Kiram), Esmail

Kiram dan Sitti Mariam Kiram telah melantik syarikat guaman Messrs. Adams, Moses and Culver yang berpusat di *South La Salle Street*, Chicago, Amerika Syarikat untuk membatalkan perjanjian tersebut.<sup>52</sup> Peguam waris Sultan Sulu juga turut menawarkan kepada kerajaan British geran baharu jika ingin terus membangunkan wilayah yang diserahkan anak guamnya dengan terma-terma perjanjian yang baru.<sup>53</sup>

Waris-waris Sultan Sulu yang diwakili peguamnya W. Allan Wood memberikan lima alasan utama pembatalan perjanjian tersebut.<sup>54</sup> Empat daripada lima alasan yang diberikan ialah berkaitan isi kandungan perjanjian 1878 yang dianggap sebagai tidak adil dan bertentangan dengan undang-undang. Alasan lain yang dikemukakan oleh peguam waris Sultan Sulu ialah dengan menyatakan isi kandungan perjanjian yang menyebutkan “*in perpetuity*” (untuk selama-lamanya) dalam Perjanjian Penyerahan 1878 adalah bertentangan dengan undang-undang.<sup>55</sup> Namun, tiada penjelasan lanjut diberikan oleh peguam waris Sultan Sulu tersebut mengapa perkara tersebut baru ditimbulkan sedangkan waris-waris Sultan Sulu sudah lama menerima bayaran tahunan daripada pihak syarikat dan kemudiannya kerajaan British. Selain itu, peguam waris Sultan Sulu turut memberikan alasan bahawa pembatalan itu dibuat kerana penerima geran telah meninggalkan wilayah-wilayah serahan sejak 21 Januari 1936.<sup>56</sup> Alasan tersebut bagaimanapun jelas tidak berasas kerana sejak Overbeck dan Alfred Dent mengambil alih wilayah tersebut sehingga kepada penubuhan SBUB, wilayah-wilayah tersebut dikawal dan ditadbir sepenuhnya oleh pihak syarikat. Kerajaan British melalui peguamnya Stephenson Harwood and Tatham telah menolak permohonan dan tuntutan waris-waris Sultan Sulu tersebut serta memulangkan kembali notis pembatalan perjanjian penyerahan wilayah yang dikemukakan oleh peguam mereka.<sup>57</sup>

Percubaan kedua untuk membatalkan perjanjian penyerahan tersebut diteruskan sekali lagi pada 25 November 1957.<sup>58</sup> Notis pembatalan Perjanjian Penyerahan 1878 tersebut dilakukan atas nasihat peguam waris Sultan Sulu, Vicente D. Gabriel.<sup>59</sup> Notis tersebut telah disampaikan oleh Gabriel kepada Duta Britain di Manila. Pembatalan perjanjian tersebut dibuat oleh Esmail Kiram yang dikatakan telah ditabah sebagai Sultan Sulu oleh waris-waris Sultan Sulu yang lain bagi menggantikan Dayang Dayang Hadji Piandao. Dalam keterangan yang lain, pelantikan Esmail Kiram sebagai Sultan Sulu yang baharu adalah bagi menggantikan Sultan Jainal Abirin II yang dikatakan menjadi sultan antara tahun 1937 hingga 1950.<sup>60</sup>

Esmail Kiram juga dikatakan bersetuju untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan British jika syarat-syarat tertentu dapat dipenuhi.<sup>61</sup> Notis pembatalan yang berkuat kuasa pada 22 Januari 1958 itu mengisyiharkan pemulangan semula seluruh tanah seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian 1878 kepada Kesultanan Sulu. Salinan notis bantahan tersebut juga turut dihantar kepada pejabat pentadbiran Borneo Utara British di Jesselton dan London, Kementerian Hal Ehwal Luar British, Pejabat Kedutaan Britain di Manila, Setiausaha Hubungan Luar Filipina dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.<sup>62</sup> Penghantaran salinan notis bantahan tersebut kepada banyak pihak sengaja dilakukan oleh Sultan Esmail Kiram dengan nasihat peguamnya bagi meraih perhatian dan sokongan daripada pihak-pihak tersebut sekali gus menjatuhkan imej kerajaan British yang didakwa mentadbir Borneo Utara secara tidak sah. Hal tersebut bagaimanapun masih gagal meraih simpati dan sokongan daripada Republik Filipina yang pada ketika itu dipimpin oleh Carlos P. Garcia.

### **Pertelingkahan Antara Waris-Waris Sultan Sulu (Kiram Vs. Kiram)**

Kehadiran waris-waris Sultan Sulu yang terlalu ramai daripada tiga keluarga diraja utama Kiram, Aranan dan Shakirullah kemudiannya mendakwa sebagai Sultan Sulu telah menyebabkan lebih ramai peguam yang dilantik bagi mewakili individu tersebut. Meskipun tidak semua waris-waris tersebut

cuba mengangkat diri mereka sebagai Sultan Sulu yang baharu, namun, kebanyakan waris-waris tersebut turut mengambil kesempatan untuk menuntut hak mereka ke atas Sabah dan bayaran tahunan melalui pelantikan peguamnya. Misalnya, hingga November 1987, terdapat lebih dari 200 individu yang mendakwa dirinya sebagai waris Sultan Sulu yang sah dan menuntut supaya diberikan bahagian bayaran tahunan yang dibuat kerajaan Malaysia kepada waris-waris Sultan Sulu sejak perjanjian penyerahan 1878.<sup>63</sup>

Antara waris Sultan Sulu juga sering kali berlaku percanggahan pendapat. Misalnya ketika Jamalul Kiram III mengumumkan pembatalan penyerahan kuasa kepada kerajaan Filipina untuk menuntut Sabah seperti yang pernah diberikan sebelum itu iaitu pada 29 Ogos 1962. Pembatalan perjanjian tersebut dikatakan merupakan resolusi sidang Rumah Bechara pada 12 Februari 1989. Ia sekali gus memberikan semula mandat kepada waris Sultan Sulu untuk meneruskan tuntutan ke atas Sabah menerusi apa-apa cara sekalipun. Pendirian Jamalul Kiram II tersebut bagaimanapun tidak dipersetujui Puteri Denchurain Kiram, salah seorang waris Sultan Sulu yang sah. Beliau menegaskan, tindakan melengah-lengkahkan pengguguran tuntutan ke atas Sabah tidak akan memberikan apa-apa kebaikan sebaliknya akan menjadikan masalah semakin kompleks dan proses untuk mendapatkan “*proprietary rights*” menjadi bertambah sukar.<sup>64</sup> Keadaan bertambah huru-hara lagi apabila kedua-dua waris Sultan Sulu tersebut bersama-sama dengan Muhammad Esmail Kiram saling bertelagah antara satu sama lain dengan masing-masing mendakwa memiliki salasilah keturunan Sultan Sulu yang lebih sahih. Puteri Denchurain umpamanya, mendakwa dirinya sebagai keturunan Sultan Sulu yang tertua dan manafikan kewujudan mana-mana waris Sultan Sulu yang lain. Sementara itu, Datu Tuban Wizer Han Aranan Sultan Alimuddin I telah menulis surat kepada Aquino pada 15 September 1987 bagi menjelaskan tuntutannya ke atas Sabah. Antara isi kandungan surat tersebut termasuklah mendakwa bahawa Sabah adalah hak milik kekal Sultan Alimuddin I dan keturunannya daripada keluarga Datu Tuban Aranan.

Meskipun kebanyakan waris-waris Sultan Sulu jelas menyatakan sokongan mereka terhadap tuntutan ke atas Sabah, namun masih terdapat waris-waris Sultan Sulu yang berpendirian tuntutan ke atas Sabah adalah sesuatu yang tidak wajar dan perlu digugurkan segera. Perkembangan ini berlaku ketika zaman pentadbiran Presiden Corazon Aquino (1986-1992) apabila beliau bukan sahaja mengumumkan polisi pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah, tetapi juga telah mengambil langkah-langkah proaktif ke arah proses pengguguran tuntutan tersebut. Antara waris-waris Sultan Sulu yang menyokong polisi pengguguran tersebut termasuklah Puteri Denchurain Kiram. Beliau merupakan anak Puteri Tarhata Kiram yang merupakan salah seorang penerima bayaran tahunan dalam Penghakiman Macaskie pada tahun 1939 di Mahkamah Tinggi Sabah.<sup>65</sup> Pada tahun 1962, Puteri Denchurain antara yang bersama-sama dengan waris-waris Sultan Sulu lain bertemu dengan Presiden Diosdado Macapagal bagi memohon agar Filipina menuntut Sabah secara rasmi. Walau bagaimanapun, beliau telah mengubah pendiriannya itu dan memilih untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah setelah menyedari bahawa tuntutan tersebut tidak berhasil dan tidak dapat menyelesaikan isu “*proprietary rights*” yang dituntut oleh waris-waris Sultan Sulu sejak sekian lama.

Sebaliknya, Jamalul Kiram III yang pada awalnya turut menyokong polisi pengguguran tersebut kemudiannya telah mengubah fikiran. Beliau mengubah keputusannya kerana mendakwa Presiden Aquino melakukan penipuan apabila tidak membawa perbincangan bil pengguguran tuntutan tersebut di peringkat Dewan Senat dan tanpa melalui perbincangan dengannya terlebih dahulu. Peguam kepada salah satu kumpulan waris-waris Sultan Sulu, Abraham Rasul yang turut bertanggungjawab dalam proses pemindahan kedaulatan daripada Kesultanan Sulu kepada Republik Filipina ironinya mendakwa pemindahan tersebut tidak bersifat “*absolute*”. Menurutnya juga, perjanjian penyerahan itu akan menjadi *ipso facto* dan dianggap *null and void* jika Kerajaan Filipina gagal meneruskan tuntutannya ke atas Sabah.<sup>66</sup> Jamalul Kiram III juga mengancam untuk mendakwa kerajaan Filipina

di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) kerana sewenang-wenangnya menggugurkan tuntutan ke atas Sabah tanpa melalui perundingan dengan waris-waris Sultan Sulu yang dikatakan mempunyai hak yang sebenar ke atas Sabah.<sup>67</sup>

Pertikaian antara dua waris keluarga diraja Kiram ini menjadi lebih kontroversi dan serius apabila pada 9 April 1987, Jamalul Kiram III mengirim surat kepada Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan tentang masalah yang berlaku antara waris-waris Sultan Sulu serta pengakuan bahawa Puteri Denchurain bukan Sultan Sulu yang sebenar dan tindakannya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah adalah bagi memperoleh bayaran ganti rugi satu juta bilion.<sup>68</sup> Surat yang mengandungi dakwaan yang sama turut dikemukakan kepada Presiden Corazon Aquino bagi mempengaruhi presiden agar tidak memihak kepada Puteri Denchurain. Pada 2 Disember 1987, satu resolusi telah diluluskan yang mengisyiharkan kesatuan dan solidariti antara waris-waris Sultan Sulu untuk menentang apa-apa juga bentuk usaha bagi menghapuskan kedaulatan Kesultanan Sulu ke atas Sabah.<sup>69</sup> Jelasnya, pertelingkahan antara waris-waris Sultan Sulu dan pengikutnya untuk merebut kekuasaan dan manfaat kewangan daripada Perjanjian 1878 menjadi satu konflik yang tidak pernah berpenghujung. Isu tuntutan ini telah menonjolkan pelbagai peristiwa pengkhianatan yang terjadi antara mereka demi mendapatkan manfaat kewangan tersebut. Ia termasuklah apabila individu yang berasal daripada keturunan Suluk terlibat dalam komplot mencuri surat perjanjian asal Sultan Jamalul Kiram II yang hilang di Singapura meskipun Gabenor Sulu, Ombra Amilbangsa mendakwa pencuri tersebut berperanan sebagai ejen British.<sup>70</sup>

### **Peranan Nicasio Osmena Sebagai Peguam Waris-Waris Sultan Sulu**

Nicasio Osmena merupakan antara peguam waris-waris Sultan Sulu yang memainkan peranan signifikan dalam mewujudkan perancangan bersistematis ke arah mendesak kerajaan Filipina menuntut Sabah (Borneo Utara) secara rasmi pada tahun 1962. Penglibatan beliau sebagai peguam waris Sultan Sulu terserlah sejak 1950-an. Beliau mendakwa sebagai peguam waris Sultan Sulu, namun pihak British enggan memperakui dakwaannya kerana kandungan dokumen yang ditunjukkan adalah tidak tepat.<sup>71</sup> Osmena menggunakan pelbagai pendekatan deseptif bagi menuntut Borneo Utara sehingga disifatkan Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina sebagai “*thorough-going rogue*” namun memiliki personaliti yang dapat mempengaruhi orang lain.<sup>72</sup>

Beliau sangat aktif dalam membina jaringan dan kerjasama dengan pihak-pihak luar. Peranannya tidak terhad kepada tuntutan ke atas Borneo Utara sahaja, bahkan beliau sangat berminat dengan usaha-usaha ke arah mewujudkan negara yang merangkumi wilayah Borneo dan Kalimantan. Justeru, beliau memberikan sokongan penuh kepada perjuangan pemberontakan A. M. Azahari, pemimpin Parti Rakyat Brunei, dalam penubuhan kerajaan Kalimantan Utara dan menggagalkan rancangan pembentukan Malaysia. Menerusi kerjasama tersebut, satu perhimpunan yang melibatkan para pelajar di *University of the East* telah diadakan pada 20 November 1962 bagi mendesak Filipina menyokong penubuhan *Unitary State of Borneo* yang merangkumi Borneo Utara, Brunei dan Sarawak. Peranannya sebagai peguam membolehkan beliau membantu Azahari khususnya ketika Azahari menyembunyikan diri di Manila. Osmena bahkan turut menanggung segala pembayaran Azahari termasuklah membayar semua bilnya atas pendirian bahawa beliau mempunyai kepentingan dalam pemberontakan tersebut.

Menerusi usaha beliau Filipina bukan sahaja menuntut Sabah secara rasmi tetapi pelbagai jenis tuntutan daripada waris Sultan Sulu telah dikemukakan melaluinya dan beliau sendiri memiliki jaringan perhubungan yang agak meluas di dalam dan di peringkat antarabangsa. Kelebihan ini telah dimanfaatkannya untuk membentuk kerjasama dengan rakan-rakan sekutu seperti kerjasama dengan pemimpin Parti Rakyat Brunei, A. M. Azahari. Osmena juga memiliki kemahiran diplomasi yang

lebih licik berbanding peguam-peguam waris Sultan Sulu yang lain berikutan daripada hubungannya dengan individu dan pemimpin politik berpengaruh di dalam dan luar Filipina. Beliau juga turut mencabar Donald Stephens, ahli politik Sabah untuk mengadakan debat awam berhubung tuntutan Filipina sama ada di New York, Kuala Lumpur atau Manila.<sup>73</sup> Pejabat Kedutaan British di Manila bagaimanapun memberikan amaran supaya Donald Stephens lebih berhati-hati dengan Osmena kerana beliau telah mengkaji isu tuntutan tersebut dengan mendalam bertahun-tahun lamanya dan tidak mengejutkan jika beliau boleh mengeluarkan pelbagai maklumat yang mungkin mengejutkan dan sukar dipatahkan. Hanya seseorang yang benar-benar mahir dan menguasai tentang isu tuntutan tersebut dapat mengesahkan bukti yang dikemukakan. Tindakan menerima cabaran berdebat tersebut hanya berisiko untuk memerangkap Stephens. Namun, bagi Tunku Abdul Rahman, beliau menegaskan agar tidak terlalu melayan tindakan dan sikap Osmena. Stephens pada akhirnya menolak cabaran debat Osmena dan menegaskan "*I have said it before and I say it again the claim is silly and in fact irresponsible*".<sup>74</sup>

Nicasio Osmena merupakan anak kepada bekas Presiden Filipina, Sergio Osmena. Pengaruh daripada ayah beliau turut mempengaruhi hubungan baiknya dengan presiden-presiden terkemudian termasuklah Carlos P. Garcia. Hubungan persahabatan antara Garcia dengan Sergio Osmena membolehkan Nicasio Osmena mendapat keistimewaan dalam memenuhi kepentingan peribadinya ke atas Borneo Utara. Beliau mendakwa dirinya sebagai Pembantu Khas kepada Pejabat Presiden Filipina. Beliau merupakan individu yang banyak memberikan pengaruh terhadap pembentukan polisi Filipina untuk menuntut Borneo Utara ketika era Presiden Diosdado Macapagal. "*It is the mouthpiece of Osmena and all those who wish to put maximum pressure on the Government to pursue the claim*".<sup>75</sup> Selaku peguam kepada waris-waris Sultan Sulu, beliau telah melakukan pelbagai bentuk desakan terhadap Filipina bagi memastikan Filipina menuntut Borneo Utara. Osmena juga turut menghantar surat kepada kerajaan British bagi menuntut hak waris-waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara. Beliau sangat aktif menghubungi pejabat tanah jajahan British dan pegawai tinggi kerajaan British berhubung isu tuntutan tersebut.<sup>76</sup>

Osmena bahkan menuntut bayaran ganti rugi dari kerajaan British sebanyak £10 juta. "*Approaches were made to the Shell Company, Lord Warwick and the Colonial Office in turn with a proposition that H. M. G. should pay over to Osmena £10 million in return for efforts on his part to arrange withdrawal by the Philippine Government of any claim to North Borneo.*"<sup>77</sup> Fokus utama Osmena dalam rancangan tuntutan ke atas Borneo Utara ialah mendapatkan bayaran ganti rugi dalam amaun yang besar dari kerajaan British. Beliau enggan menerima bayaran tahun sebanyak \$5300 bukan atas kepentingan waris-waris Sultan Sulu sahaja, tetapi yang lebih utama adalah bagi manfaat dan kepentingan dirinya sendiri. Justeru, beliau menuntut bayaran ganti rugi dalam nilai yang besar seperti mana strategi yang digunakan menerusi penjualan kepentingannya sebagai peguam kepada *Swiss Bank*. Kaedah yang sama turut digunakan sebelum itu menerusi penyerahan "*power of attorney*" beliau kepada *Messrs Donaldson and Burkinshaw* di Jesselton namun tidak diperakui oleh pihak British.<sup>78</sup>

Peranan Osmena ini hakikatnya sangat penting dan bermakna kepada waris-waris Sultan Sulu kerana sebelum itu, segala usaha waris-waris Sultan Sulu untuk mendapatkan sokongan dan bantuan kerajaan Filipina seringkali tidak dilayan dan menerima jawapan "*not interested*".<sup>79</sup> Pada tahun 1962, setelah Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia, Osmena telah melakukan kempen di negeri-negeri jiran seperti Indonesia dan Singapura bagi mempengaruhi dan mendapatkan sokongan terhadap tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.<sup>80</sup> Ketika berkempen di Indonesia, beliau membangkitkan isu tuntutan Indonesia ke atas Irian Barat yang disifatkan sebagai "*by writing love letter to the Dutch*".<sup>81</sup> Osmena dikatakan berusaha memujuk pemimpin-pemimpin Indonesia untuk menyokong tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.<sup>82</sup> Kehadiran Osmena ke negeri

jiran tersebut menggunakan pasport diplomatik Filipina menimbulkan tanda tanya dan kecurigaan pihak British tentang sama ada kehadirannya itu sebagai wakil rasmi kerajaan untuk membincangkan isu tuntutan atau beliau bertindak atas kapasiti sebagai peguam waris-waris Sultan Sulu sahaja? Hal ini kerana, jika beliau hadir atas urusan rasmi kerajaan, maka tawaran £10 juta yang dituntut oleh Nicasio Osmena sebagai ganti rugi itu adalah benar tawaran daripada kerajaan Filipina.<sup>83</sup> Jika amaun £10 juta itu dibayar secara tunai, Osmena berjanji untuk memastikan kerajaan Filipina menggugurkan tuntutannya ke atas Borneo Utara. Penelitian mengenai perkara tersebut diperakui oleh Pejabat Kedutaan Filipina di Jakarta yang menjelaskan bahawa mereka sememangnya memperakui aktiviti yang dilakukan oleh Osmena tersebut.

Osmena sebelum itu telah mengadakan pertemuan secara tertutup dengan Tunku Abdul Rahman bagi membincangkan isu tuntutan waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara. Ketika isu bayaran ganti rugi sebanyak £10 juta yang dituntut oleh Nicasio Osmena masih lagi dipertimbangkan oleh kerajaan British, Osmena telah bertemu Tunku Abdul Rahman di Tanah Melayu. Dalam pertemuan tersebut, Osmena cuba mempengaruhi Tunku untuk terlibat dalam rancangannya dengan balasan Tunku bakal menerima sejumlah amaun bayaran ganti rugi tersebut sebanyak £1 juta. Setelah mengetahui rancangan Osmena yang telah menubuhkan syarikat komersial bertujuan untuk mengeksplorasi bayaran ganti rugi daripada Kerajaan British, Tunku akhirnya mengarahkan Osmena untuk segera meninggalkan Tanah Melayu dalam tempoh 48 jam.<sup>84</sup>

Osmena juga turut bekerjasama dengan individu-individu berpengaruh di Filipina untuk mendesak kerajaan menuntut Borneo Utara. Antaranya, beliau telah bekerjasama dengan Napoleon G. Rama, seorang kolumnis akhbar Filipina dengan memberikan dokumen-dokumen sejarah bagi menyokong tuntutan ke atas Sabah sehingga Rama telah menerbitkan beberapa siri artikel yang mendakwa bahawa Sabah milik Filipina.<sup>85</sup> Artikel-artikel yang ditulis Rama merupakan tulisan terawal yang mendakwa Sabah sebagai milik Filipina kerana sebelum itu tiada kenyataan terbuka dibuat seperti yang dilakukan oleh Rama mengenai Sabah. Rama juga merupakan seorang peguam yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam aspek perundangan. Meskipun tidak menjadi peguam waris-waris Sultan Sulu secara rasmi, namun beliau sangat komited dan bersungguh-sungguh dalam membantu waris-waris Sultan Sulu menuntut Sabah. Beliau juga terus-menerus memberikan tekanan kepada Presiden Macapagal supaya kembali dengan pendirian lamanya pada tahun 1950 yang telah mencadangkan *House Concurrent Resolution No. 42* yang menggesa kepada pemulihan wilayah Filipina.<sup>86</sup>

Selain Rama, antara yang terpengaruh dan turut menyokong perjuangan Osmena ialah Datuk Bandar Manila, Arsenio H. Lacson. Dalam siaran radio pada 25 Mac 1962, Lacson menggesa Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina untuk segera bertindak membantu waris-waris Sultan Sulu menuntut Borneo Utara. Keesokan harinya, ucapannya itu mendapat liputan meluas daripada media tempatan Filipina.<sup>87</sup> Pejabat Hubungan Luar (*Foreign Office*) bagaimanapun menolak peranan Osmena sama ada sebagai wakil kerajaan Filipina mahupun waris-waris Sultan Sulu kerana menyifatkan matlamat dan kepentingannya semata-mata bermotifkan kewangan.<sup>88</sup> Perkara ini juga diingatkan berulang kali kepada Kementerian Luar Negeri di Kuala Lumpur bahawa Osmena mempunyai kepentingan peribadi ke atas tuntutan tersebut dan bahaya besar yang mungkin timbul jika sekiranya terlibat dengan rancangannya. Kehadiran Osmena dalam perundingan isu tuntutan antara kerajaan Filipina dan British tidak disenangi oleh semua pejabat pentadbiran British kerana tindakan Osmena tidak sepenuhnya mewakili pandangan kerajaan Filipina namun lebih banyak bertitik tolak daripada kepentingan peribadinya.

## Kesimpulan

Berikutan kematian Sultan Sulu terakhir yang tidak meninggalkan anak sebagai pengantinya, institusi kesultanan tersebut akhirnya telah dimansuhkan oleh kerajaan Filipina meskipun setelah mendapat tentangan daripada pengganti Sultan Sulu yang baru, waris-waris dan para pengikutnya. Keadaan ini mengakibatkan waris-waris daripada tiga keluarga diraja utama masing-masing melantik peguam untuk menuntut hak mereka ke atas Sabah. Sehingga ke hari ini, walaupun waris-waris Sultan Sulu dilihat terus menuntut Sabah, namun mereka sebenarnya lebih berminat dengan penyelesaian kewangan daripada kerajaan Malaysia. Oleh sebab itu mereka menuntut bayaran ganti rugi dan pampasan dalam jumlah yang sangat tinggi memandangkan mereka hanya memiliki sekali sahaja peluang untuk berbuat demikian.

Tuntutan-tuntutan kewangan tersebut seringkali bersandarkan kepada hujah bahawa Perjanjian 1878 itu bersifat komersial. Jika ia hanya bersifat komersial, maka sepatutnya ia tidak mempunyai implikasi kedaulatan. Sebaliknya, perjanjian tersebut mempunyai implikasi kedaulatan seperti mana yang diperakui sendiri Sultan Jamalul Alam ketika menandatangani perjanjian tersebut. Perjanjian tersebut bukan hanya melibatkan pemindahan pemilikan dan autoriti kepada Baron Von Overbeck, tetapi juga pemindahan kedaulatan termasuklah kuasa tertinggi atau kuasa pemutus yang diserahkan kepada Konsul Jeneral (British) jika sekiranya terdapat pertikaian mengenai wilayah tersebut. Perkara ini diperkuuhkan lagi dengan penegasan Sultan Jamalul Alam kepada Overbeck, bahawa jika sekiranya beliau menerima apa-apa surat dari Sepanyol untuk membatalkan perjanjian tersebut, beliau diminta untuk tidak melayan perkara tersebut.

Sehingga era Presiden Carlos P. Garcia, kerajaan Filipina tidak memiliki hasrat untuk menuntut Borneo Utara. Usaha-usaha untuk menuntut Borneo Utara dan bayaran ganti rugi pada ketika itu hanyalah bersifat peribadi melibatkan waris-waris Sultan Sulu dan peguam-peguamnya seperti Nicasio Osmena. Ia dikukuhkan dengan kenyataan Felixberto Serrano, Setiausaha Hal Ehwal Luar Negeri kepada G. L. Clutton, duta British di Filipina pada tahun 1958 yang memberikan jaminan bahawa kerajaan Filipina secara rasmi tidak menyokong aktiviti dan rancangan Nicasio Osmena dan tidak ingin menuntut Borneo Utara di mana-mana platform termasuklah di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

## Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dijalankan di bawah Geran Jangka Pendek (No. Projek: 304/PJJAUH/6315766) daripada Universiti Sains Malaysia & Bait Al-Amanah.

## Nota

<sup>1</sup> Kedua-dua nama Sabah dan Borneo Utara (nama lama) akan digunakan mengikut konteks masa kejadian dalam penulisan ini.

<sup>2</sup> CO 1030/538, Power of Attorney Given to Nicasio Osmena by Heirs of Sultan of Sulu.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Santanina C. Tillah. 1951. “On Sulu’s Claim to British North Borneo”, *Philippine Law Journal* 26, no. 3.

<sup>5</sup> Lela Garner Noble. *Philippine Policy Toward Sabah: A Claim To Independence*. The University Of Arizona, Arizona, 1977.

<sup>6</sup> “Sultan of Sulu to Visit London, Pleading Old Borneo Land Case”. *Manila Daily Bulletin*. 10 September 1931.

<sup>7</sup>Aleko E. Lilius. ‘North Borneo Belongs to Me’. *Philippines Free Press*, 31 Mei 1930, hlm. 56-59; Aleko E. Lilius. ‘The Sultan of Sulu Demands Returns of British North Borneo’, *The Bulawayo Chronicle*, 21 November 1931 & *The Sphere*, 4 Julai 1931, hlm. 21 & 40.

<sup>8</sup>Aleko E. Lilius. “North Borneo Belongs to Me”. *Philippines Free Press*, 31 Mei 1930, hlm. 56-59.

<sup>9</sup>*Philippines Free Press*, 14 September 1940 (t.h.).

<sup>10</sup>Ibid.

<sup>11</sup>CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

<sup>12</sup>CO 1030/538, Power of Attorney Given to Nicasio Osmena by Heirs of Sultan of Sulu.

<sup>13</sup>CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

<sup>14</sup>CO 1030/537, Sovereignty of North Borneo.

<sup>15</sup>CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

<sup>16</sup>Anugerah Akhir kepada Malaysia adalah salah satu Anugerah terbesar yang pernah dikeluarkan terhadap sebuah negara, kedua tertinggi selepas Anugerah Yukos iaitu sebanyak US\$50 billion. Lihat Gary J. Shaw & Rafael T. Boza. “The Sultan of Sulu Award: Is It Enforceable in the US Under the New York Convention?”, *The Journal of the Institute of Transnational Arbitration* 4, no. 1, 2022, hlm. 23.

<sup>17</sup>Ibid., hlm. 41.

<sup>18</sup>*Tribune*, Manila, 7 September 1940.

<sup>19</sup>*Manila Herald*. 13 September 1940.

<sup>20</sup>Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2009, hlm. 65.

<sup>21</sup>Ferdinand E. Marcos, *Breaking the Stalemate: Towards A Resolution of the Sabah Question*, National Media Production Center, Manila, 1977, hlm. 15.

<sup>22</sup>Diosdado Macapagal, *New Hope for the Common Man: Speeches and Statements of President Diosdado Macapagal*, Vol. 1, Malacañang Press Office, Manila, 1962, hlm. 299.

<sup>23</sup>“Sulu Heirs Drop Claim”, *Borneo Mail*, 18 April 1989, hlm. 1.

<sup>24</sup>“Moving on Sabah”, *Asiaweek*, 15 Mei 1989, hlm. 26. Lihat juga “Sabah Claim: End in Sight”, *Borneo Mail*, 16 April 1989, hlm. 1-2 & “Aquino Comes Out in Full Support”, *Borneo Mail*, 18 April 1989, hlm. 1.

<sup>25</sup>“Aquino Backs Sultan’s Heirs’ Proprietary Claim to Sabah”, *Manila Standard*, 18 April 1989, hlm. 4.

<sup>26</sup>“Arroyo Assures Sabah Claimants of Government Support”, *Malaya*, 19 September 2002.

<sup>27</sup>Ibid.

<sup>28</sup>Loule Legarta dan Fel V. Maragay, “No Secret Sabah Deal-Almonte”, *Manila Standard*, 15 April 1994, hlm. 3.

<sup>29</sup>CO 874/942, Sulu Sultanate & Claims for Cession Money.

<sup>30</sup>Ibid.

<sup>31</sup>Aleko E. Lilius, “The Sultan of Sulu Demands Returns of British North Borneo”, 21 November 1931. Lihat juga “Sultan of Sulu to Visit London, Pleading Old Borneo Land Case”. *Manila Daily Bulletin*. 10 September 1931.

<sup>32</sup>CO 874/942, Sulu Sultanate & Claims for Cession Money.

<sup>33</sup>Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration 1961-1965*, The American University, Amerika Syarikat, 1978, hlm. 213.

<sup>34</sup>CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

<sup>35</sup>CO 1030/538, Power of Attorney Given to Nicasio Osmena by Heirs of Sultan of Sulu.

<sup>36</sup>Ibid.

<sup>37</sup>Aleko E. Lilius, “The Sultan of Sulu Demands Returns of British North Borneo”, 21 November 1931. Lihat juga “Sultan of Sulu’s Claims”. *The Straits Budget*. 30 Julai 1931.

<sup>38</sup>Ibid.

<sup>39</sup>Ibid.

<sup>40</sup> *The Sphere*, 4 Julai 1931, hlm. 21 & 40.

<sup>41</sup> “Sultan of Sulu Seeks British Pay for Colony”, *Times Herald*, 23 Mac 1949.

<sup>42</sup> Peguam waris Sultan Sulu, Ulka Ulama dalam suratnya menyatakan pendapatannya Sabah pada tahun 1998 ialah lebih daripada US \$45.98 billion. Lihat Carolyn O. Arguillas. 18 Mac 2013. “Lawyer of Sulu Sultan’s Heirs on Sabah: ‘Final Say’ from Philippine Gov’t Body”, *Minda News*, <https://www.mindanews.com/top-stories/2013/03/lawyer-of-sulu-sultans-heirs-malaysia-should-turn-over-sabah-but-adds-final-say-will-be-from-philippine-govt-body/>. Diakses pada 6 Januari 2023.

<sup>43</sup> Gunther Conradi, “The Claim on Sabah”, *Daily Express*, 13 Disember 1998, hlm. 15.

<sup>44</sup> Alito Malinao, “Kiram Vs. Kiram: Sabah Claim Muddled”, *Manila Standard*, 8 April 1989, hlm. 5.

<sup>45</sup> FCO 15/303, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia.

<sup>46</sup> T 317/503, Claims of the Heirs of the Sultan of Sulu and of the Filipino Government to territories in British Borneo.

<sup>47</sup> CO 874/943, Sultan of Sulu Claims and Cession Money.

<sup>48</sup> T 317/503, Claims of the Heirs of the Sultan of Sulu and of the Filipino Government to territories in British Borneo.

<sup>49</sup> CO 874/943, Sultan of Sulu Claims and Cession Money.

<sup>50</sup> Feliciano V. Maragay, “200 Heirs Claiming Sabah Rights”, *Manila Standard*, 30 November 1987, hlm. 8.

<sup>51</sup> Sururul-Ain Ututalum dan Abdul Karim Hedjazi, *The Genealogy of the Sulu Royal Families*, Professional Press, United States of America, 2003, hlm. 140.

<sup>52</sup> CO 874/943, Sultan of Sulu Claims and Cession Money.

<sup>53</sup> Ibid.

<sup>54</sup> Ibid.

<sup>55</sup> Ibid.

<sup>56</sup> Ibid.

<sup>57</sup> Ibid.

<sup>58</sup> FCO 15/303, Philippines : Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Lihat juga *Philippine Claim to North Borneo*, Vol. 1, Bureau of Printing, Manila, 1963, hlm. 149-150 & Ferdinand E. Marcos, *Breaking the Stalemate: Towards A Resolution of the Sabah Question*, hlm. 15.

<sup>59</sup> CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

<sup>60</sup> Beliau juga dikenali sebagai Datu Tambuyong. Lihat Sururul-Ain Ututalum dan Abdul Karim Hedjazi, *The Genealogy of the Sulu Royal Families*, hlm. 121-123.

<sup>61</sup> CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

<sup>62</sup> FCO 15/303, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia.

<sup>63</sup> Feliciano V. Maragay, “200 Heirs Claiming Sabah Rights”, *Manila Standard*, 30 November 1987, hlm. 8. Lihat juga “RP to Revive Sabah Claim”, *Manila Times*, 10 Mei 1986.

<sup>64</sup> Alito Malinao, “Kiram Vs. Kiram: Sabah Claim Muddled”, *Manila Standard*, 8 April 1989, hlm. 5.

<sup>65</sup> Puteri Tarhata Kiram menerima 3/16 bahagian daripada keseluruhan bayaran tahunan tersebut.

<sup>66</sup> Feliciano V. Maragay, “200 Heirs Claiming Sabah Rights”, hlm. 8.

<sup>67</sup> Divina C. Paredes dan Antero F. Soriano, “Aquino Reaffirms Stand on Sabah Claim”, *Manila Standard*, 22 November 1987, hlm. 8.

<sup>68</sup> Sururul-Ain Ututalum dan Abdul Karim Hedjazi, *The Genealogy of the Sulu Royal Families*, hlm. 140.

<sup>69</sup> Sururul-Ain Ututalum dan Abdul Karim Hedjazi, *The Genealogy of the Sulu Royal Families*, hlm. 146.

<sup>70</sup> “Sultan of Sulu Seeks British Pay for Colony”. *Times Herald*. 23 Mac 1949.

<sup>71</sup> CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

<sup>72</sup> CO 1030/538, Power of Attorney Given to Nicasio Osmena by Heirs of Sultan of Sulu.

<sup>73</sup> CO 1030/948, Sovereignty of North Borneo: Philippine Government Claim.

<sup>74</sup> Ibid.

<sup>75</sup> Ibid.

<sup>76</sup> CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

<sup>77</sup> Ibid.

<sup>78</sup> CO 1030/538, Power of Attorney Given to Nicasio Osmena by Heirs of Sultan of Sulu.

<sup>79</sup> CO 874/942, Sulu Sultanate & Claims for Cession Money.

<sup>80</sup> CO 1030/948, Sovereignty of North Borneo: Philippine Government Claim.

<sup>81</sup> Ibid.

<sup>82</sup> "Ask Indonesians to Back P. I. on Borneo", *The Philippine Herald*, 18 September 1962.

<sup>83</sup> CO 1030/948, Sovereignty of North Borneo: Philippine Government Claim.

<sup>84</sup> DO 169/133, Sultan of Sulu Heirs' Claim to North Borneo.

<sup>85</sup> Napoleon G. Rama, "North Borneo Belongs to Us", *Philippines Free Press*, 30 Disember 1961, hlm. 4-5, 58-64. Rama ketika menghasilkan artikel kontroversinya itu turut merujuk sebahagian dokumen penting yang diperoleh daripada Arkib Sepanyol berhubung perjanjian di antara Sultan Sulu dan Overbeck. Antara dokumen yang dirujuk adalah "*Official letter from the Governor General of the Philippines Islands bearing, 20 Ogos 1878*", "*Report of the Commander-General of the Navy, 4 April 1878*" dan "*Transcripts of six documents referring to the Correspondence of the Governor of Jolo*". Napoleon G. Rama, "North Borneo is Ours", hlm. 5 dan 66. Lihat juga tulisan-tulisan beliau yang lain, "The North Borneo Case", *Philippines Free Press*, 10 Mac 1962, hlm. 3, 83-84; "Congressman Diosdado Macapagal in North Borneo", *Philippine Free Press*, 21 April 1962, hlm. 6, 90-91; "House Unanimously Adopts North Borneo Resolution", *Philippines Free Press*, 5 Mei 1962, hlm. 4.

<sup>86</sup> Napoleon G. Rama. "Congressman Diosdado Macapagal on North Borneo", *Philippines Free Press*, 21 April 1962, hlm. 6, 90-91.

<sup>87</sup> DO 169/127, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo.

<sup>88</sup> CO 1030/948, Sovereignty of North Borneo: Philippine Government Claim.

## Rujukan

"Aquino Comes Out in Full Support", *Borneo Mail*, 18 April 1989.

"Ask Indonesians to Back P. I. on Borneo", *The Philippine Herald*, 18 September 1962.

"Aquino Backs Sultan's Heirs' Proprietary Claim to Sabah", *Manila Standard*, 18 April 1989.

"Arroyo Assures Sabah Claimants of Government Support", *Malaya*, 19 September 2002.

Arguillas, C. O. 2013. "Lawyer of Sulu Sultan's Heirs on Sabah: 'Final Say' from Philippine Gov't Body", *Minda News*, 18 Mac. Diakses pada 6 Januari 2023.

<https://www.mindanews.com/top-stories/2013/03/lawyer-of-sulu-sultans-heirs-malaysia-should-turn-over-sabah-but-adds-final-say-will-be-from-philippine-govt-body/>

Conradi, G. "The Claim on Sabah", *Daily Express*, 13 Disember 1998.

CO 874/942, Sulu Sultanate & Claims for Cession Money.

CO 874/943, Sultan of Sulu Claims and Cession Money.

CO 1030/536, Sovereignty of North Borneo.

CO 1030/537, Sovereignty of North Borneo.

CO 1030/538, Power of Attorney Given to Nicasio Osmena by Heirs of Sultan of Sulu.

CO 1030/948, Sovereignty of North Borneo: Philippine Government Claim.

DO 169/127, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo.

DO 169/133, Sultan of Sulu Heirs' Claim to North Borneo.

Dizon, J. S. 1978. *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration 1961-1965*. Amerika Syarikat: The American University.

FCO 15/303, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia.

- Lilius, A. E. "North Borneo Belongs to Me". *Philippines Free Press*, 31 Mei 1930.
- Lilius, A. E. "The Sultan of Sulu Demands Returns of British North Borneo", *The Bulawayo Chronicle*, 21 November 1931.
- Lilius, A. E. *The Sphere*, 4 Julai 1931.
- Legarta, L. & Maragay, F. V. "No Secret Sabah Deal-Almonte", *Manila Standard*, 15 April 1994.
- Manila Herald*. 13 September 1940.
- Marcos, F. E. 1977. *Breaking the Stalemate: Towards A Resolution of the Sabah Question*. Manila: National Media Production Center.
- Macapagal, D. 1962. *New Hope for the Common Man: Speeches and Statements of President Diosdado Macapagal*, Vol. 1. Manila: Malacañang Press Office.
- Malinao, A. "Kiram Vs. Kiram: Sabah Claim Muddled", *Manila Standard*, 8 April 1989.
- Maragay, F. V. "200 Heirs Claiming Sabah Rights", *Manila Standard*, 30 November 1987.
- "Moving on Sabah", *Asiaweek*, 15 Mei 1989.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2009. *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noble, L. G. 1977. *Philippine Policy Toward Sabah: A Claim To Independence*. Arizona: The University Of Arizona.
- Paredes, D. C. & Soriano, A. F. "Aquino Reaffirms Stand on Sabah Claim", *Manila Standard*, 22 November 1987.
- Philippine Claim to North Borneo*, Vol. 1. 1963. Manila: Bureau of Printing.
- Philippines Free Press*, 14 September 1940.
- "RP to Revive Sabah Claim", *Manila Times*, 10 Mei 1986.
- Rama, N. G. "North Borneo Belongs to Us", *Philippines Free Press*, 30 Disember 1961.
- Rama, N. G. "The North Borneo Case", *Philippines Free Press*, 10 Mac 1962.
- Rama, N. G. "Congressman Diosdado Macapagal in North Borneo", *Philippine Free Press*, 21 April 1962.
- Rama, N. G. "House Unanimously Adopts North Borneo Resolution", *Philippines Free Press*, 5 Mei 1962.
- Sururul-Ain Ututalum & Abdul Karim Hedjazi. 2003. *The Genealogy of the Sulu Royal Families*. United States of America: Professional Press.
- "Sultan of Sulu to Visit London, Pleading Old Borneo Land Case". *Manila Daily Bulletin*, 10 September 1931.
- "Sulu Heirs Drop Claim", *Borneo Mail*, 18 April 1989.
- "Sabah Claim: End in Sight", *Borneo Mail*, 16 April 1989.
- "Sultan of Sulu to Visit London, Pleading Old Borneo Land Case", *Manila Daily Bulletin*, 10 September 1931.
- Shaw, G. J. & Boza, R. F. 2022. "The Sultan of Sulu Award: Is It Enforceable in the US Under the New York Convention?", *The Journal of the Institute of Transnational Arbitration* 4, no. 1: 23-42.
- "Sultan of Sulu's Claims", *The Straits Budget*, 30 Julai 1931.
- "Sultan of Sulu Seeks British Pay for Colony", *Times Herald*, 23 Mac 1949.
- The Sphere*, 4 Julai 1931.
- Tribune*, Manila, 7 September 1940.
- T 317/503, Claims of the Heirs of the Sultan of Sulu and of the Filipino Government to territories in British Borneo.
- Tillah, S. C. 1951. "On Sulu's Claim to British North Borneo", *Philippine Law Journal* 26, no. 3: 199-210.